- Melakukan kaunseling *bedside*, kaunseling discaj, pemeriksaan wad, memberikan maklumat ubat kepada anggota kesihatan, membekalkan ubat ke wad/unit melalui sistem Unit Dos / *Indent Floorstock*, menjalankan penyaringan carta pengubatan / prskripsi / buku pesanan wad dan membuat intervensi jika terdapat sebarang keraguan terhadap ubat yang dipreskrib.

#### 4.4.2 Farmasi Galenikal

Unit Farmasi Galenikal bertanggungjawab ke atas:

- Penyediaan dan pembekalan sediaan bukan steril internal, eksternal dan ekstemporanus ke ke Unit Farmasi / wad / unit di Hospital Duchess of Kent, Sandakan
- Membuat prabungkusan dan pelabelan ubat-ubatan (5 jenis ubat cecair / *semisolid* internal, 34 jenis ubat cecair / *semisolid* eksternal) untuk unit-unit Farmasi / wad / unit HDOK Sandakan.
- Menghantar sediaan internal / eksternal ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian kawalan mutu setiap 3 bulan.
- Menghantar sampel air ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian mikrob setiap 3 bulan.
- Membuat ujian mikrob bakteria dan kulat untuk tujuan pemantauan kawasan pengeluaran setiap 6 bulan.
- 

#### 4.4.3 Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

Unit Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR) mula beroperasi pada 24 Disember 2013.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan aseptik dengan menggunakan '*Closed System Transfer Device*' *PhaSeal*, *Personal Protective Equipment* (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat (i.e. memastikan keselamatan penyedia ubat-ubatan sitotoksik).
- Perkhidmatan kaunseling berkenaan dengan regime/protokol kemoterapi yang dipilih, kesan sampingan ubat-ubatan sitotoksik yang digunakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan, perubahan cara hidup termasuk diet, aktiviti senaman, dan perubahan aktiviti harian serta kaunseling berkaitan interaksi ubat-ubatan sitotoksik dengan ubat-ubatan lain, herba dan suplemen kesihatan.

- Perkhidmatan pemantauan klinikal pesakit yang menerima ubat-ubatan sitotoksik.
- Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan sitotoksik dan maklumat berkaitan dengan keselamatan pengendalian dan melakukan intervensi jika perlu.
- Perkhidmatan pinjaman peralatan chemoport dan jarum kemoport dengan sambungan tiub.
- Pembekalan botol IV drip normal saline 100ml dan 250ml, sarung tangan kemoterapi dan konsumabel lain untuk kegunaan jururawat memberi ubat sitotoksik.

Jenis-jenis ubat yang direkonstitusi di HDOK :

Ubat-Ubatan Sitotoksik / berkaitan dengan kemoterapi	Actinomycin-D, Arsenic Trioxide, Bortezomib, Bleomycin, Cisplatin, Carboplatin, Cytarabine, Cyclophosphamide, Doxorubicin, Dacarbazine, Docetaxel, Epirubicin, Etoposide, 5-Fluorouracil, Gemcitabine, Ifosfamide, Irinotecan, Methotrexate, Oxaliplatin, Paclitaxel, Vincristine, Vinblastine, Vinorelbine, Rituximab, Ganciclovir
Wad-Wad yang menggunakan servis unit CDR	FSW/FOW, MSW, EYE, MMW, FMW, GYNAE, CMW, ENT

#### 4.5 Farmasi Wad (Klinikal)

Perkhidmatan Farmasi Wad (Klinikal) di Hospital Duchess of Kent adalah ditawarkan kepada Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Wanita, Wad Kanak-Kanak, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) dan Paediatrik (PICU), Wad Orthopedik, Wad Pembedahan, Onkologi serta Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Penerimaan rujukan untuk kes-kes yang mempunyai masalah terapeutik.
- Menemubual pesakit untuk mendapatkan informasi tentang sejarah perubatan pesakit.

- Menjalankan aktiviti "medication reconciliation"
- Melibatkan diri dalam aktiviti rondaan wad.
- Memantau penggunaan ubat-ubat pesakit.
- Memberi perkhidmatan kaunseling.
- Memberi perkhidmatan maklumat ubat.

#### 4.6 Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS)

Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat merupakan sebuah unit yang membekalkan maklumat ubat secara tepat dan bersesuaian kepada anggota kesihatan, pesakit dan orang awam.

Objektifnya ialah untuk menggalakkan penggunaan ubat yang selamat dan efektif dan juga untuk mengelakkan kesan advers ubat. Dengan memberikan maklumat ubat yang tepat, penjagaan farmaseutikal pesakit dapat dipertingkatkan.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Melaksana Perkhidmatan Maklumat Ubat.
- Mengendali Pelaporan Kesan Advers Ubat (ADR)
- Mengendali Pelaporan Alahan Ubat
- Mengendali Pelaporan Kesilapan Pengubatan (*Medication Error*)
- Mengendali Pelaporan Kes Keracunan Ubat
- Melaksanakan Penerbitan Buletin Farmasi
- Mengendali Permohonan Penyenaraian Ubat FUKKM ke dalam Formulari Hospital
- Mengendali Permohonan Ubat yang Memerlukan Kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan (KPK)/ Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF)
- Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat SRQ (*Special Request Drug*)
- Mengendali Aduan Produk (Ubat) Berdaftar/Tidak Berdaftar
- Merancang dan Melaksanakan Mesyuarat Pra Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (Pra-JKUT)
- Membantu Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (JKUT)
- Merancang dan Melaksanakan Mesyuarat Farmasi Klinikal
- Melaksanakan Kelab Jurnal Jabatan Farmasi

- Menyediakan Takwim *Continuous Professional Development* (CPD)
- Menyelaras Aktiviti Penyelidikan Jabatan Farmasi
- Mendaftar Anggota Kesihatan Sebagai Pengguna PhIS
- Merancang dan Melaksanakan Latihan PhIS
- Mengesahkan Laporan Service Level Agreement (SLA) PhIS
- Menyediakan Laporan KPI PhIS

#### 4.7 Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM)

Unit Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM) adalah perkhidmatan menganalisa paras kepekatan serum ubat yang mempunyai julat terapeutik yang kecil. TDM memberi interpretasi serta cadangan pengubahsuaian dos berdasarkan paras kepekatan ubat bagi tujuan mengurangkan risiko ketoksikan ubat di samping mengoptimumkan efikasi ubat. Pemantauan kes juga dijalankan bagi permohonan TDM pesakit dalam sebagai salah satu cara penjagaan farmaseutikal pesakit.

Sebanyak **10** jenis ubat dianalisa oleh HDOK manakala **4** jenis ubat dianalisa oleh fasiliti lain. Selain itu, unit TDM juga menerima sampel darah dari fasiliti-fasiliti lain yang berdekatan untuk dianalisis seperti Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, dan Klinik Kesihatan Sandakan.

Jenis-jenis ubat yang dianalisa termasuk:

Tempat Analisa	Ubat
HDOK	Acetaminophen, Amikacin, Carbamazepine, Digoxin, Gentamicin, Phenobarbitone, Phenytoin, Theophylline, Valproic Acid, Vancomycin
Fasiliti lain (HQE)	Cyclosporine, Lithium, Tacrolimus, Salicylate

#### 4.8 Farmasi Logistik

Beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja.

- Menjalankan aktiviti perolehan, penerimaan, perekodan, penstoran, pengeluaran, pengiraan dan pelupusan.
- Membekalkan ubat-ubatan, alat perubatan, vaksin, reagen dan gas perubatan kepada unit pengguna hospital.
- Membekalkan ubat-ubatan dan alat perubatan kepada klinik-klinik kesihatan di sekitar daerah Sandakan.

Secara keseluruhannya Unit Farmasi Logistik menjalankan proses perolehan melalui beberapa cara mengikut Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Perolehan yang sedang berkuatkuasa. Proses perolehan tersebut adalah melalui:

- a) Syarikat Konsesi Pharmaniaga Logistik Sdn.Bhd
- b) Bekalan dari Cawangan Farmasi Logistik Negeri
- c) Kontrak Pusat Kementerian Kesihatan Malaysia
- d) Sebutharga
- e) Pembelian terus

Aktiviti perolehan yang di jalankan pada tahun 2018 adalah untuk item berikut;

- a) Ubat-ubatan
- b) Peralatan perubatan
- c) Gas Perubatan
- d) Reagen untuk unit TDM Farmasi
- e) Vaksin

Unit Farmasi Logistik di bahagikan kepada beberapa seksyen utama iaitu;

- a) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- b) Bahagian Ubat: 8 unit pemesan
- c) Bahagian Peralatan perubatan: 52 unit pemesan
- d) Bahagian Ubat SRQ, IV drip dan Gas Perubatan: 52 unit pemesan

#### 4.9 Latihan Ahli Farmasi Provisional (PRP) Lantikan

Jabatan Farmasi HDOK Sandakan adalah salah satu pusat latihan untuk ahli farmasi provisional (PRP) lantikan kontrak di Negeri Sabah.

Tempoh latihan PRP di Jabatan Farmasi seperti berikut:

Bil	Unit	Tempoh (minggu)
1	Farmasi Klinik Pakar	12
2	MTAC	3
3	Farmasi Satelit 1 & 2	8
4	Farmasi Galenikal	2
5	Farmasi Wad	10
6	Perkhidmatan Maklumat Ubat	4
7	Farmakokinetik (TDM)	4
8	Onkologi (CDR)	4
9	Farmasi Logistik	4
10	Penilaian Kaunseling	1

#### 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Melaksanakan perkhidmatan Patients' Own Medicines (POMs) di Wad Perubatan Lelaki dan Wad Pediatrik pada 01 Oktober 2018.
2. Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar pada 21<sup>hb</sup> Disember 2018.
3. Kajian Menggunakan Nama Generik.
4. Kajian Kepuasan Pelanggan.
5. Kajian Masa Menunggu.
6. Kajian *Knowledge and Awareness of Patients on Pharmacy Value Added Services Offered by Duchess of Kent Hospital* (masih berjalan).
7. Kajian *Prescribing Pattern of Proton Pump Inhibitor and Its Appropriateness Among Outpatient in Hospital Duchess of Kent Sandakan* (telah selesai).
8. Penerimaan bag kertas untuk pesakit yang dibuat dan diderma oleh sekolah dan organisasi bukan kerajaan.
9. Mengadakan CME bertajuk "*Medication Error At OPD*" pada 14 September 2018.
10. Gotong-royong prabungkus ubat.
11. **3** projek penyelidikan telah dimulai pada tahun 2018 dan **3** projek penyelidikan disambung dari 2017. **1** projek penyelidikan dari 2017 telah

- tamat di mana laporan penyelidikan dan laporan teknikal telah dibuat.
12. Mengendalikan sebanyak 57 sesi CPD/CME sepanjang tahun 2018.
  13. Menerbitkan Bulletin/Drug Info Farmasi sebanyak 6 terbitan sepanjang tahun 2018.
  14. Mengadakan Perjumpaan Kelab Jurnal sebanyak 9 kali dan 9 artikel telah dinilai.
  15. **10** laporan aduan produk berdaftar (ubatan) telah diterima dan semua laporan telah dimajukan kepada Seksyen Surveilans & Aduan Produk. Aduan adalah berkaitan dengan pembungkusan produk (6 kes), kualiti (1 kes), label (1 kes), efikasi (1 kes) dan lain-lain (1 kes).
  16. **44** permohonan memperolehi dan menggunakan ubat yang memerlukan kelulusan khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia atau Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF) telah dihantar untuk mendapatkan kelulusan khas KPK/PKPF pada tahun 2018.
  17. **39** permohonan penyenaian ubat FUKKM ke dalam formulari hospital telah diterima dan telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Farmasi dan Pengarah Hospital.
  18. Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat-ubatan SRQ sebanyak 3 kali.
  19. Mengadakan Sesi Latihan Pengguna PhIS & CPS (*Module Inventory for Nurses*) 2018.
  20. Mengadakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam dari 27-29 Mac 2018.
  21. Mengadakan Kajian Kepuasan Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam (gabungan FS1, FS2, Galenikal dan CDR) 2 kali setahun pada bulan 14-18 Mei 2018 dan 19-23 Nov 2018.
  22. Melaksanakan perkhidmatan PhIS 'Stock Replenish' untuk Wad Mata/ENT pada bulan Jan 2018 dan Wad Materniti pada bulan Apr 2018.
  23. Melakukan pemeriksaan wad/unit tiga kali setahun pada bulan Apr, Ogos dan Dis 2018.
  24. Mengadakan Pemeriksaan Substor Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Klinik Pakar pada 20 Oktober 2018.
  25. Mengemaskinikan Senarai Stok Wad/Unit HDOK sebanyak 2 kali.
  26. Mengemaskinikan Borang Permohonan Pindaan Stok Wad pada Mei 2018.
  27. Mewujudkan borang '*Fractionated Plasma Product Request Form*' untuk pemantauan permohonan produk darah daripada preskriber pada Julai 2018.
  28. Menyeragamkan perekodan Ubat Psikotropik untuk semua unit dalam Jabatan Farmasi pada Oktober 2018.
  29. Mengadakan gotong-royong untuk persediaan Audit ADAF, EKSA dan MS ISO.
  30. Mengadakan jamuan perpisahan untuk 3 orang penolong pegawai farmasi dan jamuan hujung tahun untuk semua anggota farmasi pesakit dalam.
  31. Penambahan Sediaan baru: Aqueous Crean with Glycerin 25%
  32. Mengemaskini kertas kerja sediaan dengan nombor rujukan baru.
  33. Mengemaskini rujukan untuk panduan penggunaan ubat selepas dibuka.
  34. Memberi latihan sangkutan DMTAC selama 2 minggu kepada 2 orang pegawai farmasi MTAC DM dari Hospital Beluran dan KK Tawau.
  35. Memberi latihan sangkutan DMTAC (in-house training) kepada 2 orang pegawai farmasi di HDOK.
  36. Mengemaskini Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Diabetes Mellitus.
  37. Mengemaskini semula Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Warfarin.
  38. **3** MTAC baru telah dimulakan pada hujung tahun 2018 iaitu: [MTAC Retro Virus Disease (RVD MTAC), MTAC Thalassemia (TMTAC) dan MTAC Hepatitis C (HepCMTAC)].
  39. Melakukan kerja-kerja mengecat keseluruhan dinding luar dan dalam di Bangunan Stor SRQ, IV Drip, dan Stor Gas Oksigen pada September 2018.
  40. Penambahbaikan pemeriksaan sub stor Bekalan Perubatan dan Iv Drip di wad /unit

hospital dari 2 kali setahun ke 3 kali setahun Mac, Jun dan September 2018.

41. Pembelian Medical oxygen regulator (Bullnose), 1 set x RM514.80 untuk Wad Perubatan Perempuan. (No Pesanan Kerajaan 51000896, 02 Mei 2018).
42. Menjalankan Verifikasi Stor Utama peringkat Jabatan Farmasi, HDOK pada Disember 2018.
43. Pelaksanaan Pengesahan Pengiraan Baki Akhir Tahun Inventori Kali Pertama (Pemeriksaan dan Verifikasi Stor Utama) telah dilakukan pada 18-21 Disember 2018 oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sandakan.
44. Mengadakan gotong royong pelupusan dokumen pada Februari 2018 setelah menerima kelulusan daripada Arkib Negara Malaysia.
45. Mengadakan gotong-royong EKSA.
46. Mengemaskini *Masterlist* Ubat-ubatan di stor drug dan *Masterlist* Bukan Ubat-Ubatan stor Bekalan Perubatan 2018.
47. Mengadakan aktiviti pendidikan (CSE) kepada semua kakitangan stor dan kakitangan farmasi yang berkenaan.
48. Mengadakan majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri 2018 bagi Unit Farmasi Logistik, Jabatan Farmasi HDOK.
49. Satu servis pinjaman chemoport dan jarum chemoport dimulakan untuk memudahkan pesakit yang memerlukannya dalam kadar yang cepat memperolehnya terlebih dahulu untuk rawatan dan diganti kemudian tanpa had masa.
50. Sistem penyimpanan dokumen pesakit kemoterapi diperkemaskinikan lagi dengan senarai dan pembahagian mengikut tahun untuk memudahkan pencarian dokumen.
51. Unit CDR telah menjalankan pembaharuan dari segi komunikasi antara pegawai farmasi, doktor dan jururawat pada tahun 2018:-
  - *Group chat* untuk onkologi dan hematologi ditambah dengan staf-staf dari wad yang berkaitan untuk menyampaikan mesej mengenai pesakit semasa.
  - *Group chat* antara pegawai farmasi dari HDOK dengan pegawai farmasi dari Hospital Likas diwujudkan untuk memudahkan proses permintaan stok ubat sitotoksik dan ubat berkaitan.
  - Fail excel yang mengandungi jadual kemoterapi pesakit untuk satu tahun diwujudkan dan disambung aksesnya kepada semua wad yang berkaitan melalui aplikasi 'Dropbox' untuk memudahkan penjadualan pesakit kemoterapi.
  - Membantu menggabungkan permintaan daripada FKP, Farmasi Satelit 2 dan unit CDR untuk bekalan ubat sitotoksik dan yang berkaitan dari Hospital Likas bagi memudahkan proses pembekalan dan mengurangkan masa serta kos penghantaran.
52. Mengadakan aktiviti-aktiviti Program Kenali Ubat Anda / Keselamatan Pengubatan (*Medication Error*) sebanyak 52 kali:
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS anjuran Biro Kebajikan Umno Bhg Libaran Sempena Program Umno Bantu Rakyat 2.0 pada 23 Jan 2018 di Dewan Libaran, Sg Kayu dan Batu Sapi, Sandakan.
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 14 Mac 2018 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 18 Mac 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 28 Mac 2018 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 11 April 2018 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
  - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 12 April 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
  - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 19 April 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
  - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 April 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.

- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 25 April 2018 di Ruang menunggu Klinik Pakar Pembedahan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 17 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 23 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 23 Mei 2018 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 24 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 6 Jun 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 7 Jun 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 27 Jun 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 27 Jun 2018 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 4 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 5 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 11 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 11 Julai 2018 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 15 Julai 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 25 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 25 Julai 2018 di Ruang menunggu Klinik Pakar Pembedahan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 26 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 29 Julai 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 8 Ogos 2018 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 16 Ogos 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran VAS dan Kenali Ubat Anda sempena program 'Gaya Hidup Sihat' anjuran Gereja Seventh-day Adventist Wilayah 13 pada 19 Ogos 2018 di Dewan Serbaguna SK Sung Siew, Jalan Cecily, Batu 4, Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 29 Ogos 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 6 September 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 12 September 2018 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 13 September 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 18 September 2018 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 19 September 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda, VAS dan Keselamatan Pengubatan pada 19 September 2018 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 20 September 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda, VAS dan Keselamatan Pengubatan sempena Pelancaran Minggu '*Medication Without Harm*' dan Hari Farmasi Sedunia pada 20 September 2018 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, HDOK Sandakan.

- Pameran Kenali Ubat Anda, VAS dan Keselamatan Pengubatan sempena Hari Farmasi Sedunia pada 21 September 2018 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 26 September 2018 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 27 September 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 30 September 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 4 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 10 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 21 Oktober 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 24 Oktober 2018 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Pembedahan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 31 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 8 November 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 22 November 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 28 November 2018 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 12 Disember 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar pada 21 Disember 2018 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.

53. Mengadakan 'Pharm Night' 2018 pada 3 November 2018.

54. Mengadakan majlis makan malam jasa mu dikenang untuk En Walter Ricky Palalun, PPF U36 pada 26 Mei 2018.

55. Mengadakan majlis perpisahan dan sambutan staf Jabatan Farmasi.



Gambar 1: Hari bertemu pelanggan pada 21 Disember 2018



Gambar 2: Aktiviti kaunseling yang dilakukan semasa pameran pada 20 September 2018



Gambar 3: Penerimaan beg kertas untuk pesakit yang dibuat dan diderma oleh SJK(C) Yuk Choi Sandakan



Gambar 4: Pameran Farmasi anjuran bersama Jawatankuasa Kenali Ubat Anda sempena Hari Ahli Farmasi Sedunia pada 20 September 2018



Gambar 7: Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri 2018



Gambar 5: Pameran Kenali Ubat Anda & VAS sempena Program Gaya Hidup Sihat & Perasmian Pesta Pertarakan di SK Sung Siew, Sandakan




Gambar 6: Pharm Night 2018


## 6.0 PENCAPAIAN

### Statistik Jabatan Farmasi


Graf 1: Jumlah Nilai Perolehan dan Pembekalan Farmasi Logistik (2014-2018)




Graf 2: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Klinik Pakar (2014-2018)




Graf 5: Jumlah Preskripsi Susulan Farmasi Klinik Pakar yang menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai [VAS] (2014-2018)




Graf 3: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Kecemasan (2014-2018) [Luar Waktu Pejabat]




Graf 6: Jumlah Item Dibekal oleh Farmasi Pesakit Dalam [Unit Dos (UD), Unit of Use (UOU) & Floor Stock (FS)] (2014-2018)




Graf 4: Jumlah Kaunseling MTAC dan Farmasi Klinik Pakar [FKP] (2014-2018)




Graf 7: Bedside Kaunseling dan Discaj Kaunseling oleh Farmasi Wad (2014-2018)




Graf 10: Perkhidmatan Maklumat Ubat [Farmasi Klinik Pakar (FKP), Farmasi Pesakit Dalam (FPD), Farmasi Wad (FWad) & DIS](2014-2018)




Graf 8: Jumlah CP1 dan CP2 Farmasi Wad (2014-2018)




Graf 9: Jumlah Prabungkusan Sediaan Internal, Sediaan Eksternal dan Tablet (2014-2018)




Graf 11: Jumlah Intervensi [Farmasi Wad (FWad), Farmasi Pesakit Dalam (FPD) & Farmasi Klinik Pakar (FKP)] (2014-2018)




Graf 12: Jumlah Adverse Drug Reaction (ADR) dan Alahan Ubat (2014-2018)




Graf 15: Bilangan Assay dan Bilangan Kes Keracunan Paracetamol (PCM) Farmasi Farmakokinetik Klinikal (2014-2018)




Graf 13: Jumlah Sediaan Internal dan Sediaan Eksternal (2014-2018)



Graf 16: Bilangan Pesakit dan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik [CDR](2014-2018)



Graf 14: Jumlah Sediaan Ekstemporanus [Farmasi Klinik Pakar (FKP) & Farmasi Galenikal (Gal)] (2014-2018)



## 7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Jabatan Farmasi ada membuat beberapa rancangan penambahbaikan untuk tahun 2019. Antaranya adalah seperti berikut:

- CPE dan 'Pharmacy Round' dijalankan agar aktiviti tersebut dapat menjadi platform untuk pengkongsian ilmu dan pengalaman pegawai farmasi wad.
- Untuk masa akan datang, perkhidmatan Pharmacy Loker4U akan ditawarkan bagi memudahkan pesakit mengambil ubat walaupun kaunter Farmasi telah tutup.
- Pemantapan dan 'reinforcing' AJK Kualiti Jabatan Farmasi dengan menggiatkan aktiviti

R&D secara kluster unit. Dijangkakan akan ada 3 kajian daripada kluster unit seperti berikut:

- FPD/CDR/Gal
- FKP/UFL/DIS
- Wad/MTAC/TDM
- Pelan Operasi Latihan Jabatan Farmasi untuk tahun 2019 adalah seperti berikut ;
  - Kursus Pemantapan Perkhidmatan Farmasi (Mac & Jun)
  - Kursus Pengurusan Stor Jab Farmasi (April)
  - Bengkel Softskills (Ogos)
  - Bengkel PhIS, jika perlu (April)
- Dijangkakan juga perancangan tahun 2019, penglibatan dalam aktiviti KIK dan QAP dapat dikembangkan lagi dan menyertai pertandingan peringkat negeri ataupun kebangsaan.
- Pelan penjimatan peringkat hospital diteruskan dan mengambilkira keperluan HDOK sebagai 'hospital lead' untuk Program Hospital Kluster bagi Daerah Sandakan. Analisis ABC yang dijalankan ditambahbaik lagi pada peringkat HDOK dengan menambahkan elemen NEML dalam analisis agar penjimatan boleh dijalankan berdasarkan keperluan dalam hospital.
- Meningkatkan kesedaran dan promosi mengenai Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Farmasi antaranya Perkhidmatan Tambah Nilai / Value-added Services (VAS) dan Perlaksanaan Aktiviti Penggunaan Ubat Berkualiti (PUB) ataupun Kempen Kenali Ubat Anda. Pemantapan dari segi penlibatan anggota awam juga diperkenalkan dengan adanya Duta Kenali Ubat Anda peringkat HDOK. Duta-duta ini akan membantu dari segi promosi dan pendidikan kepada awam.

## 8.0 PENUTUPAN

Walaupun tahun 2018 merupakan satu tahun yang penuh cabaran, unit-unit farmasi telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan perkhidmatan farmasi.

Pada tahun yang akan datang, Jabatan Farmasi HDOK akan berusaha berterusan supaya objektif Jabatan Farmasi HDOK sentiasa tercapai.

## UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

### 1.0 PENGENALAN

Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari telah beroperasi selama 9 tahun di Hospital Duchess of Kent sejak 14 December 2009. Rujukan kes semakin hari semakin bertambah, ini merupakan kesedaran orang awam terhadap keselamatan dan keberkesanan penggunaan perubatan tradisional dan komplementari yang semakin baik dan terkawal.

### 2.0 OBJEKTIF

1. Menyediakan, meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan terhadap pesakit.
2. Mengurangkan jumlah pesakit mengunjungi ahli Perubatan Tradisional dan Komplementari yang tidak terdaftar dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Membantu dan mempercepatkan pemulihan pesakit angin ahmar, sakit badan kronik serta loyah dan muntah selepas kemoterapi.
4. Menggalakkan rujukan pesakit diluar bandar dan kawasan Sandakan melalui promosi perkhidmatan kepada masyarakat.

#### VISI

Kakitangan pengamal perubatan Tradisional dan Komplementari memberikan rawatan mengikut garis panduan yang ditetapkan Bahagian Perubatan & Tradisional Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### MISI

Semua pesakit yang mendapatkan rawatan Tradisional dan Komplementari di unit ini adalah selamat dan efektif

### 3.0 PERJAWATAN

Jawatan dan Gred	Bilangan
Pegawai Perubatan UD54	1
Pegawai Perubatan UD48	1
Jururawat Terlatih U29	1
Pegamal Urut Melayu perempuan	1
Pegamal Urut Melayu Lelaki	1
Pegamal Akupuntur	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

## 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan Unit Tradisional dan Komplementari, HDOK terbahagi kepada 3 bahagian:

### 1. Perkhidmatan pesakit temu janji

#### a. Urutan Melayu Tradisional

- Urutan akan memberi tumpuan kepada manipulasi otot dan/ atau tisu di sekitar kawasan urutan. Ini agar dapat merangsang sistem lain dalam seperti sistem limfa, sistem peredaran darah dan sistem saraf. Secara langsung dapat memberi kesan terapeutik seperti meningkatkan aliran darah; melegakan kesakitan dan kekejangan otot; dan pemulihan keseluruhan tubuh badan atau sebahagian daripadanya.
- Rawatan urut untuk pesakit-pesakit yang mengalami sakit otot yang kronik
- Rawatan urut kepada pesakit yang mengalami angin ahmar

#### b. Akupuntur

- Teknik mencucuk dan memanipulasi jarum filiform yang halus di titik tertentu pada bahagian badan (titik akupuntur) untuk mengurangkan kesakitan atau untuk tujuan terapeutik sama ada digandingkan dengan moksibusi atau tidak.
- Rawatan akupuntur kepada pesakit angin ahmar dan sakit otot kronik

#### c. Bekam

- Bekam melibatkan penggunaan cawan bekam yang mengandungi udara bertekanan rendah (vakum) dan diletakkan pada kulit di bahagian tertentu badan. Vakum boleh dihasilkan dengan menggunakan kaedah pemanasan (api) atau peralatan dengan sedutan mekanikal. Udara pada kawasan kulit yang dilitupi oleh cawan bekam akan disedut secara perlahan-lahan.

- Bekam dipercayai dapat meningkatkan peredaran darah dan merangsang pemulihan.

**d. Moksibusi**

- Melibatkan pembakaran *mugwort* (*Artemesia vulgaris L.*) iaitu sejenis tumbuhan ubatan yang telah dikeringkan, untuk membantu dalam penyembuhan

**e. Urutan Melayu selepas bersalin (perkhidmatan ini telah tamat di PT&K HDOK pada bulan Julai)**

- Rawatan urutan keseluruhan badan, bertungkus dan berbarut kepada ibu-ibu lepas bersalin secara normal
- Merangkumi 2 jenis urutan iaitu
  - ❖ Urutan kesegaran dan penjagaan payudara
  - ❖ Urutan perbidanan

		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2016	U	80	49	66	76	56	51	51	61	56	58	54	35
	A	19	12	21	24	20	16	22	21	20	23	17	16
	P	5	3	1	6	2	1	16	24	41	15	30	10
2017	U	53	37	50	32	42	34	38	32	45	46	35	29
	A	13	21	19	12	16	9	18	19	18	19	14	16
	P	2	20	24	25	27	3	3	26	1	14	23	10
2018	U	47	19	34	47	42	32	37	50	29	60	40	32
	A	13	10	9	19	14	5	27	20	13	12	15	18
	P	16	10	24	5	6	7	2	-	-	-	-	-

\* U- Urutan Melayu Tradisional  
 \* A- Akupunktur  
 \* P- Postnatal Care

**Jumlah Kehadiran Pesakit Ulangan Mengikut Jenis-Jenis Rawatan Di Unit Perubatan Tradisional & Komplementari, Hdok Dari Tahun 2016 Hingga 2018**

		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2016	U	333	302	319	313	320	234	236	331	283	296	318	281
	A	170	132	173	223	199	171	119	192	186	173	290	139
	P	16	21	10	20	18	20	36	44	36	40	56	25
2017	U	175	159	201	132	159	128	172	145	123	136	195	134
	A	154	116	187	91	115	108	124	134	124	136	152	111
	P	15	10	21	7	25	9	14	11	10	11	18	12
2018	U	177	125	102	210	147	126	124	138	125	172	153	144
	A	144	115	84	127	96	68	134	135	125	133	112	100
	P	6	10	13	5	10	8	6	-	-	-	-	-

\* U- Urutan Melayu Tradisional  
 \* A- Akupunktur  
 \* P- Postnatal Care

**5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

**Promosi perkhidmatan**

Tujuan untuk menggalakan pesakit awam untuk menerima rawatan perubatan Tradisional dan Komplementari.

Unit Traditional dan Komplementari di Hospital Duchess of Kent telah berjaya mengadakan 3 kali promosi perkhidmatan pada tahun 2018.

**Bengkel “Acupuncture Treatment for Chemotherapy Induced Nausea and Vomiting”**

Tujuan bengkel ini adalah untuk mengintegrasikan perkhidmatan tradisional akupunktur dalam membantu mengurangkan kesan sampingan yaitu loyah dan muntah yang kuat selepas kemoterapi.

**6.0 PENCAPAIAN**

**Jumlah Kehadiran Pesakit Baru Mengikut Jenis-Jenis Rawatan Di Unit Perubatan Tradisional & Komplementari, Hdok Dari Tahun 2016 Hingga 2018**

TAHUN	Bil	AKTIVITI
2016	1	Bengkel Perubatan Tradisional & Komplementari anjuran unit PT&K, HDOK
	2	Seorang wakil dihantar dari unit PT&K, HDOK untuk menghadiri kursus 4 <sup>th</sup> Evidence Based Seminar on Tradisional & Complimentary bertempat di Kuala Lumpur
	3	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	4	Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplementari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
	5	Ketua Unit menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Cawangan Perubatan Tradisional & Komplementari Malaysia
	6	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK dan demonstrasi di Dewan Yu Yuen
	7	Membuat pameran dan demonstrasi rawatan perkhidmatan unit PT&K,

		HDOK dalam Hari Terbuka HDOK 2016
	8	Terlibat dalam melaksanakan “Kajian Kepuasan Pelanggan Unit Perubatan Tradisional Dan Komplimentari” yang dibuat oleh Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari, Kementerian Kesihatan Malaysia
	9	Mendapat anugerah Subzone Terbaik dalam Pertandingan Eksa Hospital Duchess of Kent 2016.
2017	1	Bengkel “Acupuncture Assisted Aneesthesia” untuk Zon Timur Sabah
	2	Memberikan ceramah “Referral patients to the Tradisional & Complementary Medicine” kepada semua peserta bengkel
	3	Menghadiri kursus 5 <sup>th</sup> Evidence Based Seminar on Tradisional & Complimentary bertempat di Kuala Lumpur
	4	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	5	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK pertama berlokasi di Rumah Warga Tua Sri Harapan (RWTSH).
	6	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK kedua bersama Persatuan Kerjaya Minda Generasi Sandakan & Persatuan Hakka Sandakan berlokasi di Auditorium Borneo Cove Hotel, Sandakan.
	7	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK ketiga bersama Persatuan RELA berlokasi di Dewan Yu Yuen Sandakan.
	8	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK keempat anjuran bersama Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari Sabah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah(JKNS) berlokasi di Jabatan Pesakit Luar Sandakan.
	9	Unit T&CM, HDOK mendapat sijil penghargaan daripada YB Senator Datuk Chin Su Phin pada masa aktiviti promosi kedua.
2018	1	Bengkel “Acupuncture Treatment for CINV” untuk Zon Timur Sabah
	2	Memberikan ceramah dan senaman “Ba Duan Jin” semasa aktiviti promosi Unit PT&K yang pertama di Rumah

		Warga Tua Sri Harapan kepada semua penduduk warga tua.
	3	Jemputan daripada JKNS sebagai urus setia dalam Taklimat Akta 775 di kolej kejururawatan Sandakan.
	4	Menghadiri Kursus Basic Life Support anjuran Cawangan PT&K JKNS.
	5	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	6	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK pertama 2018 berlokasi di Rumah Warga Tua Sri Harapan (RWTSH).
	7	Menghadiri Taklimat Transformasi PT&K dan PTP.
	8	Menghadiri kursus 6 <sup>th</sup> Evidence Based Seminar on Tradisional & Complementary bertempat di Kuala Lumpur
	9	Lawatan bench marking Pain Free Hospital daripada Hospital Kuala Penyu ke Unit PT&K HDOK.
	10	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK kedua bersama TIMA di Paitan.
	11	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK ketiga bersama Pameran dan pemeriksaan saringan kesihatan anjuran Kesihatan Awam.
	12	Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplementari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
	13	Terlibat sebagai urus setia bersama Pain Free Team HDOK dalam KNOW PAIN PROGRAMME COURSE anjuran Malaysia Assosiation Study of Pain.
	14	Menghadiri Mesyuarat Implementasi Penggunaan SMRP 2.0

## 7.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2018 adalah baik dan pencapaian ini telah didapati ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

## UNIT PROMOSI KESIHATAN

### 1.0 PENGENALAN

Unit Promosi Kesihatan merupakan satu unit yang menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan bagi membantu menggalakkan amalan tingkahlaku yang sihat di kalangan pesakit dan kakitangan hospital. Unit Promosi Kesihatan akan beroperasi sebagai satu unit yang memberi perkhidmatan pendidikan dan promosi kesihatan yang berpaksi kepada perubahan tingkahlaku kesihatan yang positif.

### 2.0 OBJEKTIF

#### OBJEKTIF UMUM

Untuk memperkasakan pesakit dan keluarga dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan mereka menguruskan sendiri penyakit ke arah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.

#### OBJEKTIF KHUSUS

- Menyediakan pelanggan (pesakit, keluarga pesakit, orang awam dan kakitangan hospital) dengan intervensi-intervensi pendidikan pesakit secara berkala.
- Menyediakan perkhidmatan berhenti merokok secara sistematik dan berkesan.
- Beroperasi sebagai One Stop Center bagi menyalurkan maklumat kesihatan kepada pelanggan.
- Menyediakan latihan berkaitan pendidikan pesakit dan pendidikan kesihatan kepada warga kerja.

#### VISI

Memberi perkhidmatan pendidikan pesakit dan promosi kesihatan yang cemerlang.

#### MISI

Memberikan maklumat dan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan pesakit yang menjurus ke arah perubahan tingkahlaku yang positif.

### 3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian
Pegawai Penerangan (Pelajaran Kesihatan)	1	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Unit

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan di Unit Promosi Kesihatan HDOK, Sandakan ialah;

- Menjalankan aktiviti Pendidikan Pesakit
- Mengendalikan Perkhidmatan Berhenti Merokok
- Menyelaras Program Aktiviti Fizikal
- Menyelaras Promosi Pendermaan Organ
- Menyelaras Program Literasi Kesihatan
- Menerbit dan menyediakan bahan-bahan Pendidikan Kesihatan (Risalah, brochure, infografik, videografik)

### 5.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

#### PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN KOSPEN PLUS (10 ON 10)

Program 10 on 10 adalah sebuah latihan menurunkan 10 kg berat badan dalam masa 10 minggu. Program ini telah dilaksanakan pada 08 Mac 2018 sehingga 15 Mei 2018. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung ialah **Latihan Bersama Jurulatih (LBJ)** sebanyak 10 sesi. LBJ ialah sesi berlatih bersama melibatkan **latihan kardiovaskular, latihan bebanan** dan **taklimat jurulatih**. Kemudian, peserta harus melakukan **Latihan Tanpa Jurulatih (LTJ)** iaitu sesi berlatih secara sendiri atau berkumpulan.



Gambar 1: Tabata Party bersama Jurulatih

#### KURSUS CARA HIDUP SIHAT

Kursus ini merupakan Program Tahunan yang dijalankan oleh Unit Promosi Kesihatan yang berobjektifkan;

- 1.1. Memastikan para peserta mempunyai pendedahan khusus mengenai penjagaan berat badan yang lebih ideal.

- 1.2. Mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit yang disebabkan masalah berat badan yang tidak ideal seperti Diabetes, Hipertensi, penyakit jantung, *sleep apnea*, dan sebagainya.
- 1.3. Mengelakkan peserta daripada terus mengamalkan cara hidup yang sedenter (tidak aktif/tidak melakukan aktiviti fizikal).



Gambar 1: Aktiviti Gerak Sihat

## PROGRAM NAFAS BARU BERMULA RAMADHAN

Program ini merupakan aktiviti tahunan Unit Promosi Kesihatan yang mana telah dijalankan pada 24.05.2018 dan diadakan di Dewan Selingan HDOK, Sandakan. Program ini berobjektifkan;

- i. Menyedarkan anggota hospital bahawa merokok memudatkan kesihatan.
- ii. Menyedarkan anggota hospital bahawa merokok adalah HARAM disisi agama Islam
- iii. Mengambil kesempatan untuk berhenti merokok melalui Klinik Berhenti Merokok



Gambar 1: *Sharing is caring session* mengenai faedah berhenti merokok yang disampaikan oleh kakitangan yang telah berjaya berhenti merokok.

## 6.0 PENCAPAIAN

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH
01.	Penerbitan Bahan Pendidikan Kesihatan	4350 keping ( termasuk poster, baner, phamplet, brochure, bunting)
02.	Perkhidmatan Berhenti Merokok	8 orang klien berjaya berhenti merokok dalam tempoh kohort.
03.	Sambutan Hari Khas Kesihatan	3 program
04.	Ceramah Kesihatan	21 kali ceramah kesihatan di Sandakan.FM
05.	Latihan Anggota Kesihatan	2 kali
06.	Pameran Kesihatan	9 kali
07.	Program Aktiviti Fizikal (Pengurusan Berat Badan)	1 program

## 7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Unit Promosi Kesihatan merancang untuk mengukuhkan lagi Program Aktiviti Fizikal dalam kalangan kakitangan hospital, selain mengukuhkan lagi Perkhidmatan Berhenti Merokok di hospital ini melalui promosi yang berterusan dari masa ke semasa.

## 8.0 PENUTUPAN

Sepanjang tahun 2018, Unit Promosi Kesihatan telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan meskipun mendapat kekangan dari segi kewangan. Walau bagaimanapun, unit ini akan sentiasa memperbaiki mutu dan kualiti perkhidmatan sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa.

## PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL(CRC)

### 1.0 PENGENALAN

Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Hospital Duchess of Kent, Sandakan adalah Pusat Penyelidikan Klinikal yang ke-empat di Sabah selain daripada Pusat Penyelidikan klinikal Queen Elizabeth 1 & 2 dan Pusat Penyelidikan klinikal Hospital Likas ditubuhkan pada 21<sup>st</sup> July 2014 dan lengkap sepenuhnya pada 26<sup>th</sup> Disember 2014. Penubuhan CRC HDOK adalah diatas usaha sama pengarah Hospital iaitu Dr. Francis Paul dan pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (NCRC) iaitu Dato' Dr Goh Pik Pin. Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent telah di terajui Mr Lai Chung Ket (surgeon HDOK), adalah selaras dengan pengetahuan terkini dan rawatan pesakit untuk membangunkan kapasiti sumber manusia dalam penyelidikan perubatan sama ada melalui peringkat jabatan atau di unit masing-masing

Peranan utama CRC adalah dalam mempromosi, menyokong dan menjalankan "*Investigator Initiated Research*" oleh pengamal perubatan dan kakitangan hospital lain dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk menampung keperluan ini, Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent, Sandakan mengadakan dan menganjurkan **BENGGEL BERSIRI** tetapi pada tahun 2019, pihak CRC Unit HDOK tidak lagi bercadang melaksanakan bengkel secara bersiri tetapi tetap akan membuat bengkel yang sama demi mencapai fungsi dan peranan Pusat Penyelidikan Klinikal di tubuhkan di HDOK seperti *GOOD CLINICAL PRACTICE (GCP)* serta pensijilan bagi peserta yang lulus dalam peperiksaan *GCP*. Tujuan utama bengkel bersiri dan lain-lain bengkel diadakan adalah untuk melengkapkan diri setiap peserta penyelidikan klinikal dalam penyediaan penyelidikan klinikal sama ada melalui peringkat jabatan atau unit masing-masing. Adalah diharapkan bahawa bengkel ini dapat melengkapkan setiap peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan klinikal mereka.

### 2.0 OBJEKTIF

Objektif Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)

1. Untuk menggalakkan budaya penyelidikan di kalangan pekerja penjagaan kesihatan di timur kawasan pantai sabah
2. Untuk menyebarkan kemahiran dalam metodologi, alat statistik dan teknik dalam mereka bentuk dan menjalankan ujian klinikal untuk menyediakan *health care workers* kesihatan prinsip metodologi dan biostatistik dalam penyelidikan klinikal
3. Memperolehi IIR dari setiap peserta dan juga kakitangan dari HDOK, Sandakan

#### Misi

Untuk melengkapkan kakitangan HDOK dengan kemahiran dalam menjalankan kualiti dan penyelidikan klinikal.

#### Visi

Untuk menggalakkan, menyokong dan menjalankan kualiti dan penyelidikan klinikal etika dan latihan dalam penyelidikan.

### 3.0 JAWATANKUASA CRC HDOK

Jawatankuasa	Posisi
Dr Francis Paul	pengarah
Mr Lai Chung Ket	Ketua Unit CRC
Kong Kian Keong	Timbalan ketua unit
Dr Ooi Cheng Lee	Pegawai Perubatan UD44
Sr Rusnah Sumaila	Ketua Jururawat Admin manager

Jadual 1: Maklumat jawatan dalam Unit

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HDOK

1. *Support for Research Projects*
  - *Assist in protocol Writing*
  - *NMRR online Registration*
  - *Consultation of statistical and research project*
  - *Assist in research Grant Application*
  - *Mentorship for research protocol development.*
2. *Research Training, Courses & Workshop*
  - *Research methodology workshop*

- *Good Clinical Practice*
- *Other specific workshop that are useful and related to daily practice.*

## 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Sebagai cawangan Network Pusat Penyelidikan klinikal (CRC) di Sabah, CRC HDOK juga di jemput melibatkan diri pada SABAH RESEARCH DAY yang telah dijalankan pada 12-13.09.2018 di Hospital Wanita dan kanak-kanak sabah di Likas, Kota Kinabalu.

Pihak CRC HDOK telah menaja beberapa orang pakar dan pegawai perubatan untuk bertanding dalam kajian penyelidikan klinikal sama ada dalam bentuk oral presentasi dan poster presentasi. Sebanyak 10 poster kajian penyelidikan telah dipertandingkan dan 1 pada bahagian oral presentasi semasa Sabah Research Day yang diadakan pada tahun lalu.

## 6.0 PENCAPAIAN

Bil	Tajuk bengkel/Kursus	Tarikh	lokasi
1	Bengkel introduction to Clinical Research (ICR)	9-10.2.18	CRC UNIT
2	Bengkel Basic Research Methodology	9-10.03.18	CRC UNIT
3	Bengkel Basic Research Intermediate Biostatistics	13-14.4.18	CRC UNIT
4	Bengkel Protocol Development & Writing	11-12.5.18	CRC UNIT
5	Bengkel Good Clinical Practice (GCP)	19-21.07.18	Hotel Livingston batu 4

### PENCAPAIAN TAHUN 2018:

Bil	Perkara	Jumlah
1	IIR	30
2	ISR	0
3	ORAL PRESENTATION	1
4	POSTER PRESENTATION	19
5	Publication (international)	2
6	Feasibility study	5
7	Clinical Audit	2
8	GCP	33 peserta

## ANUGERAH 2018:

Bil	Anugerah	Kedudukan
1	Dr Yvonne Teo Chiang	2 <sup>nd</sup> prize ( oral)
2	Dr Amalina Tugiran	Consolation (poster)

Berikut adalah kajian penyelidikan yang telah mendapat anugerah di Sabah Research Day yang telah dilaksanakan pada 12-12.09.2018:

Bil	Research title	Author
1	The impact of sleep quality on the occupational fatigue outcome among healthcare shift workers in critical care setting	Dr Teo chiang Hoon (oral presentasi)
2	Hair Raising Experience tale of the Obstructed Bezoar: A case report.	Dr sitikamariah Dr amalina NT Mohd faris Ms Faizah Mr lai chung ket (poster presentasi)

## IIR (*Investigator Initiated Research*)

Bulan	IIR/ research title	Department/unit
Jan-Mac	Quick reference (QR) utilisation on management of neonatal jaundice	ETD HDOK collaboration (data Collection)
April-Jun	Self-preceived competence and Learning needs analysis on antimicrobial stewardship among government ward pharmacists in Malaysia.	UKM/HDOK Pharmacy Collaboration (data Collection)
April-Jun	Prospective study for peri Anesthetic Compilcation in Malaysia(ProSPAC)	Anaesthetic
April-Jun	Experience in managing fatal cases of Diphtheria in a district Hospital	Pediatric
Jul-Sep	Dealing with death in the NICU-experience of	NICU, HDOK collaboration

	Malaysian neonatal Nurse	(data Collection).
Jul-sept	Prevalence of Erectile Dysfunction among type II Diabetes mellitus at primary health care clinics in Sandakan.	JPL/CRC
JUL-Sep	Overview of HIV positive mother in Sandakan	JPL/CRC
Jul-Sep	HIV infection in Sandakan: The current scenario	JPL/CRC
Jul-sep	Puffed up post-partum: Gravida or Growth?	ETD
Jul-Sep	Impeded panorama: A case of angioedema	ETD
Jul-Sep	The lethal chest pain mimic: A case report	ETD
Jul-Sep	The masquerade of abdominal pain: A case report	ETD
Jul-Sep	The sinister behind sleeping beauty: A case report	ETD
Jul-Sep	Double the shock: surviving the electrical storm	ETD
Jul-Sep	A race of time: Against the angry sea	ETD
Jul-Sep	The unfortunate Ballon boy: A case report	ETD
Jul-Sep	Hanging giant groin: A case report	Surgical
Jul-Sep	Rare incident of classical Hodgkin's Lymphoma of duodenum: A case report.	Surgical
Jul-Sep	Hair raising experience tale of the obstructed Bezoar: A case report	Surgical
Jul-Sep	Painful ridging of finger nail-an usual complication of untreated nail bed injury	Orthopedic
Jul-Sep	Variation of femoral neck shaft angle among Dusun-kadazan ethnic in Sabah and suitability of current design of intramedullary proximal	Orthopaedic

	femoral nail available in Malaysia	
Jul-Sep	Bicolumnar comminuted acetabulum fracture: A conservative approach to achieve secondary hip joint congruency	Orhopedic
Jul-Sep	Blood pleurodesis, promising alternative? Case series from Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Perubatan
Jul-Sep	Lean concept implementation and its impact in medical ward Duchess of Kent, Sandakan, Sabah	Perubatan
Jul-Sep	Case report: 2 years development outcome of extremely premature baby with chronic lung disease given low dose dexamethasone	Pediatrik
Jul-Sep	Experience in manging children with bronchiolitis in resource limited hospital	Pediatrik

**PUBLICATION 2018:**

Month	Research title	Name of author
Jul-Sep	What information and the extent of information research participants need in informed consent forms: A multi-country survey ( <b>Journal:</b> BMC MEDICAL ETHICS)	Kent Kong Kian Keong
Jul-Sep	Prevalence and associated factors of stress, anxiety and depression among emergency medical officers in Malaysia hospitals ( <b>Journal:</b> WORLD JOURNAL OF EMERGENCY MEDICINE)	Dr. Siti Nasrina Binti Yahya.

**CLINICAL AUIDT 2018:**

Month	Clinical Audit Title	Department/unit
April-Jun	Audit on obstetrics red alert in Hospital Duchess of Kent, Sandakan	O&G
Jul-Sep	Audit on knowledge, competency among healthcare providers post chemical radiology, nuclear and explosion(CBRNE) course in Sabah,	ETD

**FEASIBILITY STUDY 2018:**

No.	Research title	Principal Investigator
1	Phase 3, double-Blind, placebo controlled, Randomized study of adjuvant treatment with IMP in patients with Triple negative Breast cancer and Residual Invasive Disease after Neoadjuvant Chemotherapy	Mr. Lai Chung Ket (surgical)  Sponsor: CRM
2	Phase 3, Observer-Blind, Randomized, Non-influenza Vaccine Comparator Controlled Paralled-Group, Multi_country Study in Children Aged 6-35 months to Assess the safety and Efficacy of Candidate Quadrivalent influenza Vaccine.	Dr. Foo Huei Hwen (Peadiatric)  Sponsor: Quintiles
3	Interventional, Randomized, Double-Blind, Active-Controlled, Flexible-Dose Study Drug in patients with Treatment-Resistant Schizophrenia (TRS)	Dr. Joni Teoh (Psychiatry)
4	A Phase 2, Double-Blind, Randomized, Placebo-Controlled Study evaluating the safety and efficacy of two doses of IP in patients with primary focal segmental glomerular sclerosis (FSGS) who are receiving Irbesartan.	Dr. Chan Yin Chin (General Medicine/ Nephrology)  Sponsor: IQVIA

5	Randomized, Multi-dose, Placebo, multi-centre, comparing study IP with QVAR in patients with asthma,	Dr Chan Yin Chin (General Medicine/ Nephrology)  Sponsor: IQVIA
---	--	---

**POSTER YANG DIPERTANDINGKAN DI SABAH RESEARCH DAY PADA 12 & 13.09.2018:**

No.	Research title	Department/Unit
1	Hair Raising Experience tale of the Obstructed Bezoar: A case report.	Dr sitikamariah Dr amalina NT Mohd faris Ms Faizah Mr lai chung ket
2	Puffed up post-partum: Gravid or Growth?	Dr sadesvaran Dr Yvonne Dr Aethoosham
3	Impeded panorama: A case of angioedema	Dr sadesvaran Dr Siti Nasrina Dr Aethoosham
4	Hanging Giant Groin: A case report.	Dr Amalina NT Dr Liew SL Dr Firdaus Ar Dr Lai CK
5	Rare incident of classical Hodgkin's Lymphoma of duodenum: A case report.	Dr Ravikumar S Dr Siti Khairani Dr faizah MS
6	Painful ridging of finger nail-an usual complication of untreated nail bed injury	Dr Vinodharan N Dr Fairuz M
7	Bicolumnar comminuted acetabulum fracture: A conservative approach to achieve secondary hip joint congruency	Dr Vinodharan N Dr Chua WS
8	Factors influencing compassion satisfaction, Burnout and compassion fatigue among critical care Nurse in Sabah.	Dr. Matron Yau Kim Yau
9	Overview of HIV positive mothers in Sandakan	Dr Zaiton Yahya Dr Murni Aliza Abdul Malik Dr Christine Shamala Selvaraj Dr Nursyariza

10	HIV infection in Sandakan: The current Scenario	Dr Zaiton Yahya DrMurni Aliza Abdul Malik Dr Christine Shamala Selvaraj Dr Nursyariza Dr valentine Gantul
----	---	--

### GCP (GOOD CLINICAL PRACTICE) 2018:

Memandangkan Dewan Selingan tidak begitu bersesuaian untuk melaksanakan bengkel tersebut, pihak CRC HDOK telah mengadakan bengkel GCP dengan kolaborasi MaRLA (Persatuan membantu Pesakit Kusta Malaysia) telah bersetuju mengadakan bengkel berkenaan di HOTEL LIVINGSTON BATU 4, Sandakan, pada tarikh 19-21.07.2018. Penyertaan adalah dari semua hospital di Sabah dan penyertaan adalah seramai 50 peserta sahaja. Tetapi pihak kami hanya mendapat sambutan seramai 33 peserta. Pihak CRC HDOK bersetuju untuk menaja pegawai perubatan dan kakitangan yang berminat untuk menyertai bengkel ini secara percuma. Yuran telah dikenakan sebanyak RM 450.00.

Semua peserta akan mengikuti bengkel selama 3 hari dan peperiksaan dijalankan pada hari ke-3 bengkel diadakan di bawah penyeliaan NPRA (National Pharmaceutical Regulatory Agency) Kementerian Kesihatan Malaysia. Keputusan yang diperolehi;

Peserta	LULUS	GAGAL
33	31 (93.94%)	2 (6.06%)

### GAMBAR KENANGAN 2018:



### PERANCANGAN BENGKEL TAHUN 2019:

Bil	Tajuk Kursus / Bengkel / Seminar	Tarikh	Lokasi
1	Introduction To Clinical Audit	25-26.1.19	CRC Unit
2	Introduction To Clinical Research(ICR)	22-23.2.19	CRC Unit
3	Basic Research Methodology & Biostat	29-30.3.19	CRC Unit
4	Introduction to Research Referencing using Endnote	24-25.4.19	CRC Unit
5	Scientific Writing Workshop How to Write A good case Report/Publication	26.4.19	CRC Unit
6	Kolaborasi dengan Hospital Tawau: Basic Research Methodology & Biostat	19-20.6.19	Hospital Tawau
7	Good Clinical Practice (GCP)	15-17.8.19	Belum dibincangkan lagi

## 8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2018, Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) dan kerjasama dari kakitangan hospital Duchess of Kent Khususnya telah menyumbang evidence-based data dalam perubatan demi penjagaan pesakit. Pihak CRC HDOK juga mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK dan khususnya dalam HPIA/KPI CRC Unit Hospital. Jabatan berharap dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

Adalah diharapkan peserta yang mengikuti bengkel GCP yang akan diadakan akan lebih ramai pegawai perubatan yang berminat dalam melakukan kajian penyelidikan klinikal memiliki SIJIL GCP dan akan menerbitkan akan kajian penyelidikan klinikal yang mereka jalankan sama ada di jabatan atau unit masing-masing di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

Pihak kami juga amat mengharapkan agar lebih ramai kakitangan terutamanya pegawai perubatan, jururawat dan pengurusan berminat dalam IIR (*Investigator Initiated Research*) dan ISR (*industry sponsor Research*) mengukuhkan lagi akan evidence-based data demi penjagaan dan perawatan pesakit lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

# **PERKHIDMATAN PENGURUSAN KLINIKAL**

**UNIT KESIHATAN AWAM  
UNIT KEJURURAWATAN  
JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN  
UNIT PUSAT JAGAAN HARIAN  
UNIT PERKHIDMATAN BAHAN STERIL  
UNIT KAWALAN INFEKSI**

## UNIT KESIHATAN AWAM

### 1.0 PENGENALAN

Unit Kesihatan Awam Hospital Duchess Of Kent Sandakan telah ditubuhkan pada Jun 2005 dengan hanya seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32 pada ketika itu. Pada tahun 2009 seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 telah ditempatkan di Unit ini sebagai tambahan dan hanya bertanggungjawab kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pegawai di Unit Kesihatan Awam bertanggungjawab terus kepada Pengarah Hospital dari segi Pentadbiran, Emolumen, Pelan Tindakan Kerja Tahunan dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT). Unit Kesihatan Awam adalah unit sokongan yang memberi perkhidmatan dalam aktiviti pencegahan disamping berperanan sebagai perantara Kesihatan Awam dengan pihak pengurusan Hospital.

Pada masa kini, Unit Kesihatan Awam diketuai oleh Dr. Vijay Govindan Denis Eswar Gred UD44 sebagai Ketua Unit dan dianggotai oleh seorang (1) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan gred U32, seorang (1) Ketua Jururawat U32 (KUP), seorang (1) Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran U29, Seorang (1) Jururawat Terlatih U29 dan seorang (1) Pembantu Kesihatan Awam (PKA) U19 yang membantu dalam tugas-tugas sub-unit.

### 2.0 OBJEKTIF

Objektif utama Unit Kesihatan Awam ialah untuk menguruskan, merancang, melaksana dan menilai aktiviti program dalam aspek-aspek perkhidmatan kesihatan awam di hospital terutama dalam aktiviti kawalan penyakit berjangkit, keselamatan dan kualiti makanan, kesihatan persekitaran dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Adalah menjadi hasrat Unit Kesihatan Awam untuk memastikan satu situasi kesihatan, keceriaan dan keselamatan kepada semua anggotanya dan orang-orang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Hospital Duchess Of Kent Sandakan agar sentiasa berada di dalam keadaan persekitaran kerja yang sihat dan selamat sebagaimana kehendak-kehendak perundangan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Unit Kesihatan Awam akan berusaha bersama-sama pihak pengurusan dan anggota-anggota

hospital untuk mencapai matlamat ini melalui kerjasama dan komitmen mereka. Untuk membekalkan perkhidmatan kesihatan yang praktikal dan berkesan kepada anggota kakitangan hospital serta pelanggan dalam bidang pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit agar tidak berlaku perebakan penyakit berjangkit di dalam kawasan hospital. Diantaranya adalah:

- Merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit supaya tidak berjangkit dari pesakit kepada pesakit, pelawat dan warga kerja.
- Merancang, mengatur dan menyelaraskan kerja-kerja pencegahan dan kawalan penyakit bawaan vektor seperti Demam Denggi/ Demam Denggi Berdarah di hospital.
- Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti Keselamatan dan Kualiti Makanan di hospital.
- Merancang, menyelaraskan dan menilai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta – akta Kesihatan Awam di hospital.
- Merancang, melaksanakan dan memantau aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di hospital.
- Merancang, menyusun dan menyelaraskan aktiviti bagi memastikan Hospital Duchess Of Kent Sandakan bebas daripada asap rokok melalui pemantauan dan penguatkuasaan.
- Berkerjasama dengan Unit Kawalan Mutu Air Minum di Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan untuk persampelan air minum.

### 3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Cadangan Tambahan Jawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Perubatan UD 44	1	1	1	0
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U32	1	0	1	0
Ketua Jururawat U32 (KUP)	1	0	1	0
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U29	1	1	1	0
Jururawat Terlatih U29	1	0	1	0
Pembantu Kesihatan Awam U19	1	1	1	0
Pembantu Tadbir N19	0	1	0	0
Jumlah:	6	5	6	0

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Unit Kesihatan Awam  
Unit Kesihatan Awam bercadang untuk memohon pertambahan jawatan untuk jawatan Pegawai perubatan UD44, Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran U29, Pembantu Kesihatan Awam U22 dan Pembantu Tadbir N19 bagi memantapkan lagi

pengurusan dan pelaksanaan aktiviti unit kesihatan awam. Sehingga kini belum ada sebarang penambahan perjawatan baru dalam unit kesihatan awam.

#### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

##### 1. Kawalan Penyakit Berjangkit

Merancang dan melaksanakan segala langkah pencegahan dan pengawalan bagi setiap penyakit agar tidak menular kepada pesakit-pesakit lain, anggota dan orang awam semasa di dalam hospital.

##### 2. Kawalan Vektor

Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit bawaan vektor.

##### 3. Keselamatan dan Kualiti Makanan

Menjalankan pemantauan bagi memastikan bahawa semua makanan yang disediakan dan dijual adalah selamat untuk dimakan dan mematuhi perundangan serta memastikan semua pengendali makanan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

##### 4. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Merancang, melaksanakan dan memantau program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di hospital.

##### 5. Penguatkuasaan

Merancang, mengurus, menyelaraskan dan menilai aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

- Program Imunisasi Hepatitis B dikalangan anggota Hospital.
- Program Saringan Tuberculosis (TIBI) dikalangan anggota Hospital
- Program Pemeriksaan Kesihatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam berumur 40 tahun keatas (Klinik 40).
- Klinik Kakitangan Hospital Duchess Of Kent Sandakan.
- Klinik Berhenti Merokok.
- Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check-Up) anggota yang baru melapor diri.

#### 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

##### 1. Hospital Performance Indicator Assurance (HPIA)

Unit Kesihatan Awam memegang 2 indikator HPIA iaitu:-

- a. Audit Keselamatan  
Dilaksanakan 4 kali setahun melibatkan fasiliti-fasiliti di dalam hospital.
- b. Mortaliti
  - Bertanggungjawab mengumpul dan menganalisa data-data mortaliti.
  - Bertanggungjawab menjaga mortaliti penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, ibu mengandung, bawah 5 tahun dan POMR

##### 2. Akreditasi Hospital

Unit Kesihatan Awam juga bertanggungjawab kepada program akreditasi hospital untuk menjaga Standard 2: Environmental safety and health (ESS) yang mana merangkumi:-

- Pengurusan dan Organisasi
- Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan
- Polisi dan Prosedur
- Fasiliti dan Peralatan
- Keselamatan dan Aktiviti Penambahbaikan
- Keperluan Khas
- Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Keselamatan Kebakaran
- Pengurusan Bencana
  - Dalaman
  - Luaran
- Pengurusan Bahan Berbahaya
- Sisa domestik dan kitar semula
- Perkhidmatan Keselamatan
- Perkhidmatan Kawalan vektor dan Serangga

#### 6.0 PENCAPAIAN

##### 1. Kawalan Penyakit Berjangkit

###### 1.1 Pencapaian Sistem E-Notifikasi

Pada tahun 2018 semua notifikasi telah diinput ke dalam sistem oleh Unit Kesihatan Awam. Namun, bermula 1 Januari 2019, semua notifikasi diinput oleh Jabatan atau wad yang berkenaan, sepertimana yang terkandung dalam surat pekeliling bertarikh

13hb Januari 2012 dengan no. Rujukan (62) JKN(SB)109/12 yang sepatutnya bermula 1hb. Mac 2012.

bertindak sekiranya kes AGE meningkat melebihi "action line".

Bil	Penyakit Berjangkit	2018 (bil. notifikasi)			
		Input Notifikasi	Daftar Kes	Kes Abai (%)	Lewat Notifikasi
<b>≤ Tempoh 24 Jam</b>					
01	Cholera	22	7	67	0
02	Food Poisoning	174	111	64	0
03	Poliomyelitis	1	0	0	0
04	Diphtheria	5	2	60	0
05	Measles	12	9	25	0
06	Dengue Fever/DHF	1139	285	75	0
07	Yellow Fever	0	0	0	0
08	Ebola	0	0	0	0
09	Rabies	0	0	0	0
10	Plague	0	0	0	0
11	Chikungunya	0	0	0	0
<b>≥ Tempoh ≥ 7 hari</b>					
01	Dysentery	59	0	0	0
02	Typhoid/Parathypoid	13	2	85	0
03	Viral Hepatitis All Types	88	74	16	0
05	Tetanus Neonatal	7	5	29	0
06	Tetanus Others	3	3	0	0
07	Pertussis (W. Cough)	31	11	65	0
08	Malaria	94	67	29	0
09	Typhus	0	0	0	0
10	Leprosy	1	1	0	0
11	Tuberculosis	186	153	18	0
12	Chancroid	0	0	0	0
13	Gonorrhoea	4	1	75	0
14	HIV	22	6	73	0
15	AIDS	5	7	0	0
16	Syphilis	17	8	53	0
17	HFMD	114	53	54	0
18	Relapsing Fever	0	0	0	0
19	Viral Encephalitis	1	0	0	0
20	Leptospirosis	48	10	79	0

Jadual 1. Daftar Penyakit Berjangkit (e-Notifikasi) 2018

## 1.2 Pencapaian Acute Gastroenteritis (AGE)

AGE merupakan satu indikator yang digunakan bagi memantau kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan makanan. Melalui pemantauan secara mingguan, pihak Pejabat Kesihatan akan

Hospital Duchess Of Kent Sandakan

TAHUN	UMUR											
	<1		1-4		5-9		10-19		20-59		>60	
	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP
2018	150	119	290	273	138	93	87	30	121	54	85	22

Jadual 2 : Jadual menunjukkan jumlah kes penyakit cirit-birit (AGE) mengikut wad-wad dan Jabatan Kecemasan Dan Trauma, Hospital Duchess Of Kent Sandakan tahun 2018

## 2. Laporan Kawalan Vektor

Aedes Survey merupakan aktiviti pemeriksaan untuk mengenalpasti tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan hospital. Ini merupakan aktiviti penguatkuasaan dan sebarang penemuan tempat pembiakan akan dikenakan tindakan undang-undang.

Bil	Tahun	Bil. Aedes Survey	Bil. Bekas Yang Diperiksa	Bil. Bekas Positif Jentik-Jentik	Amaun Abate 1%Sg Digunakan	Bil. Bekas Pembiakan Dimusnahkan
2	2018	188	35 018	0	330g	180

Jadual 3 : Jadual menunjukkan pencapaian aktiviti pemeriksaan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan Hospital Duchess Of Kent Sandakan tahun 2018

## 3. Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan adalah komponen penting dalam memastikan setiap peruntukkan undang-undang adalah dipatuhi. Unit Kesihatan Awam dibawah sub-unit Inspektorat dan perundangan bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Peraturan-peraturan 2009 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

OPERASI PENGUATKUASAAN		
BIL	AKTIVITI	2018
<b>KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN</b>		
1	Bil. Operasi Bersama PKK	2
2	Bil. Premis Makanan Diperiksa	7
3	Bil. Notis 32B Dikeluarkan	1
3	Bil. Premis Yang Ditutup (Seksyen 11, Akta Makanan 1983)	1
<b>KAWALAN HASIL TEMBAKAU</b>		
1	Bil. Rondaan Dijalankan	116
2	Bil. Orang Yang Tidak Diambil Tindakan (Amaran)	101
3	Bil. Notis 32B Yang Dikeluarkan	29
4	Bil. Kompaun Dikeluarkan	29
5	Bil. Kompaun Yang Dibayar	29
6	Bil. Kompaun Yang Belum Dibayar	0
6	Jumlah Amaun Kompaun Yang Telah Dibayar	3625
7	Bil. Kes Yang Dirujuk Ke TPR	0
<b>KAWALAN VEKTOR</b>		
1	Bil. Operasi Dijalankan (Bersepadu)	0
2	Bil. Perintah Notis (Seksyen 8) Yang Dikeluarkan	0
3	Bil. Kompaun Dikeluarkan	0
4	Bil. Kompaun Yang Dibayar	0
4	Jumlah Amaun Kompaun Yang Telah Dibayar	0
6	Bil. Kes Yang Dirujuk Ke TPR	0

Jadual 4 : Jadual menunjukkan pencapaian aktiviti penguatkuasaan undang-undang Unit Kesihatan Awam Hospital Duchess Of Kent Sandakan tahun 2018

## 4. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### 4.1 Klinik Staff

Unit Kesihatan Awam menyediakan perkhidmatan klinik staff untuk kakitangan hospital duchess of kent sandakan. Namun perkhidmatan ini masih terhad kepada penyakit yang ringan sahaja memandangkan klinik ini masih kekurangan staff dan peralatan yang diperlukan untuk beroperasi dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, klinik ini memerlukan tambahan anggota samada pembantu perubatan atau Jururawat terlatih untuk pengurusan klinik yang lebih lancar.

BIL	BULAN	TAHUN
		2018
1	JANUARI	13
2	FEBRUARI	8
3	MAC	32
4	APRIL	19
5	MEI	5
6	JUN	0
7	JULAI	14
8	OGOS	15
9	SEPTEMBER	4
10	OKTOBER	10
11	NOVEMBER	2
12	DISEMBER	4
<b>JUMLAH</b>		<b>126</b>

Jadual 5: Jumlah Kedatangan Kakitangan ke klinik staff pada Tahun 2018

### 4.2 Kejadian Tertusuk Benda Tajam

Ini merupakan kes-kes yang terlibat dengan tertusuk benda tajam. Kes yang terlibat adalah anggota kakitangan hospital. Pengurusan *Needle Stick Injuries* dan *Sharp Injuries* adalah penting untuk menjaga keselamatan dan kesihatan anggota.

BIL	BULAN	TAHUN
		2018
1	JANUARI	3
2	FEBRUARI	1
3	MAC	1
4	APRIL	0
5	MEI	1
6	JUN	1
7	JULAI	1
8	OGOS	1
9	SEPTEMBER	1
10	OKTOBER	3
11	NOVEMBER	5
12	DISEMBER	3
<b>JUMLAH</b>		<b>22</b>

Jadual 6 : Jumlah Kakitangan Yang Tertusuk Benda Tajam Tahun 2018

### 4.3 Laporan Pemeriksaan Kesihatan Dan Suntikan Vaksin Typhoid

Bagi kakitangan yang terlibat dengan pengendalian makanan, mereka akan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan vaksinasi typhoid. Ini penting memastikan tiada jangkitan penyakit berjangkit bawaan air dan makanan berlaku di dalam wad hospital.

BIL	BULAN	TAHUN		
		2018		
		Pembantu Perawatan Kesihatan	Jabatan Sajian & Dietetik	Kolej Kejururawatan Sandakan
1	JANUARI	0	0	0
2	FEBRUARI	0	0	0
3	MAC	15	3	0
4	APRIL	69	4	0
5	MEI	11	0	9
6	JUN	0	0	0
7	JULAI	0	0	0
8	OGOS	0	0	0
9	SEPTEMBER	6	0	0
10	OKTOBER	0	0	0
11	NOVEMBER	0	0	0
12	DISEMBER	1	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>102</b>	<b>7</b>	<b>9</b>

**4.4 Statistik Notifikasi Kes-Kes Kemalangan / Penyakit Pekerja/ Keracunan Di Tempat Kerja Dan Kekerasan Terhadap Anggota Kkm Hospital Duchess of Kent, Sandakan** Unit kesihatan awam bertanggungjawab menerima notifikasi berkaitan dengan kes-kes kemalangan ditempat kerja, penyakit pekerjaan, keracunan ditempat kerja dan kekerasan terhadap anggota KKM. Semua notifikasi akan disiasat dan akan dimaklumkan kepada KPAS JKNS.

5	MEI	1	0	0	0
6	JUN	1	0	0	0
7	JULAI	1	0	0	0
8	OGOS	1	0	0	0
9	SEPTEMBER	1	0	0	0
10	OKTOBER	3	1	0	0
11	NOVEMBER	6	0	0	0
12	DISEMBER	4	0	0	1
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

Jadual 7: Statistik kes kemalangan, penyakit pekerjaan, keracunan tempat dan kekerasan terhadap anggota KKM

## 7.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, unit kesihatan awam telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang berdasarkan keupayaan yang sedia ada. Namun begitu, ada juga aktiviti-aktiviti tidak dapat dilaksanakan memandangkan terdapatnya kekangan dari segi logistik dan kewangan. Ini tidak menghalang Unit Kesihatan Awam untuk merencanakan dan melaksana aktiviti-aktiviti dengan idea-idea baru dan praktik sesuai dengan keadaan semasa, di samping memfokuskan juga usaha untuk mendapatkan pertambahan jawatan bagi melancarkan lagi program yang dijalankan oleh unit ini. Tahun 2019 akan berlaku sedikit perubahan dari e-notifikasi, yang diharapkan akan menampakkan kelancaran dari segi notifikasi penyakit berjangkit di peringkat hospital. Kepentingan ilmu pengetahuan juga menjadi fokus utama pada tahun 2019, selaras dengan perkembangan semasa seperti keselamatan dan kesihatan pekerjaan, anggota Unit Kesihatan Awam diberi peluang untuk menambah pengetahuan dalam bidang ini semoga dapat membantu usaha hospital untuk mendapatkan sijil akreditasi.

BIL	BULAN	TAHUN			
		2018			
		NOTIFIKASI KEMALANGAN (TERMASUK NSI)	NOTIFIKASI PENYAKIT PEKERJAAN	NOTIFIKASI KERACUNAN DI TEMPAT KERJA	NOTIFIKASI KEKERASAN TERHADAP ANGGOTA KKM
1	JANUARI	3	2	0	0
2	FEBRUARI	1	0	0	0
3	MAC	1	0	0	0
4	APRIL	0	3	0	0

## UNIT KEJURURAWATAN

### 1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan kejururawatan adalah amat penting dalam proses perawatan pesakit di hospital. Sumbangan tenaga kerja para jururawat sangat diperlukan kerana anggota jururawat terlibat dalam semua aktiviti hospital dan sebanyak 727 orang daripada bilangan pelbagai kategori anggota di hospital ini adalah terdiri dari warga jururawat. Unit Kejururawatan menyediakan penjagaan Kejururawatan yang berkualiti dan menyeluruh dari aspek pencegahan, pemulihan dan rehabilitatif agar pesakit dapat dipulih dengan cepat dan dapat mengekalkan tahap kebolehan yang optima.

### 2.0 OBJEKTIF

#### Objektif

Mengambil langkah-langkah berkesan demi meningkatkan standard piawaian penjagaan kejururawatan kepada pesakit.

1. Melaksanakan tindakan kejururawatan yang efektif demi memulihkan pelanggan dari gangguan kesihatan fizikal dan mental.
2. Mendidik semua lapisan masyarakat untuk memastikan kesihatan sendiri dan mencapai tahap optima yang berupaya melakukan aktiviti harian.

#### Visi

Unit Kejururawatan akan mengekalkan dan meningkatkan prestasi profesion kejururawatan pada tahap yang unggul demi kecemerlangan perkhidmatan kejururawatan melalui pengamalan budaya korporat dan pembelajaran berterusan.

#### Misi

Menyediakan perkhidmatan kejururawatan yang cemerlang demi membantu pelanggan menikmati kehidupan yang berkualiti mengikut keupayaan masing-masing.

### 3.0 PERJAWATAN

Kedudukan anggota jururawat sehingga 31.12.2018 adalah seperti berikut:

Jawatan	Gred	Jawatan diisi
Penyelia Jururawat	U42	10
Penyelia Jururawat Klinikal	U41	3

Penyelia Jururawat	U36	6
Ketua Jururawat	U32	35
Ketua Jururawat (KUP)	U32	82
Jururawat Terlatih	U29	425
Jururawat Masyarakat	U24/2	4
	2	
Jururawat Masyarakat (KUP)	U24	12
Jururawat Masyarakat	U19	143
Penolong Jururawat	U14	0
Penolong Jururawat	U11	5
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>717</b>

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Dalam melaksanakan dan tanggungjawab seharian, jururawat adalah tertakluk kepada Akta Jururawat 1950, Akta Bidan 1966, Code of Professional Conduct of Nursing, kualiti jagaan perawatan kesihatan.
2. Setiap jururawat mampu memberi perkhidmatan kepakaran kejururawatan menerusi amalan budaya penyayang, kerja berpasukan, efisien dan professional.
3. Perkhidmatan pengkhususan bagi jururawat meliputi bidang:-
  - Kebidanan
  - Perawatan Pediatrik
  - Perawatan Neonat
  - Kecemasan dan Trauma
  - Perawatan Peri-Operatif
  - Perawatan Peri-Anestesia
  - Kawalan Infeksi
  - Rawatan Rapi
  - Perawatan Oftalmologi
  - Perawatan Psikiatri
  - Orthorinolaringologi
  - Geriatrik
  - Gastrointestinal Endoskopi
  - Perawatan Ortopedik
  - Perawatan Onkologi
  - Perawatan Koronori
  - Pengurusan Diabetes
  - Perawatan Renal
  - Perawatan Rehabilitasi
  - Penjagaan Kesihatan Primer.

### STATISTIK ANGGOTA JURURAWAT YANG MEMPUNYAI POS BASIK SEHINGGA DISEMBER 2018

Bil	Pos Basik	U44	U42	U41	U36	U 32	U32/ U29	Jum
1	Kebidanan	1	1	1	6	26	38	73
2	ICU					2	14	16
3	CCU				1	1		2
4	Pediatrik	1				4	8	12
5	Kecemasan					2	8	10
6	Neonatologi				1		13	14
7	Ortopedik					1	6	7
8	Renal					1	11	12
9	Oftalmologi				1	1	8	10
10	Peng Personel	1				3	3	7
11	Psikiatri					1	6	7
12	Peng Diabetik						6	6
13	Peri operatif			1		3	15	19
14	ORL					1	2	3
15	Endoskopi						7	7
16	Kawalan Infeksi					1	5	6
17	Neurosains						1	1
18	Onkologi						2	2
19	Rehabilitasi						1	1
20	Perawatan Paliatif						1	1

### 5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

#### AKTIVITI KURSUS SEPANJANG TAHUN 2018

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Jumlah peserta	Jumlah perbelanjaan
1	NURSING AUDIT BIL.1/2018	16.01.2018	37	RM5x50=RM250
2	NURSING AUDIT BIL.2/2018	30.04.2018	34	RM10x50=RM500
3	NURSING AUDIT BIL.3/2018	10.07.2018	30	0
4	MEDICATION SAFETY BIL.1/2018	12.03.2018	36	RM10x50=RM500
5	MEDICATION SAFETY BIL.2/2018	28.08.2018	26	0
6	MEDICATION SAFETY BIL.3/2018	26.11.2018	22	0
7	MENTOR MENTEE BIL.1/2018	14-15.03.2018	33	RM10x50=RM500x2hari=RM1000
8	MENTOR MENTEE BIL.2/2018	14-15.08.2018	29	RM10x50=RM500x2hari=RM1000
9	KONSEP 10 S BIL.1/2018	22.01.2018	40	RM4x50=RM200
10	KONSEP 10 S BIL.2/2018	07.05.2018	36	RM10x50=RM500
11	KONSEP 10 S BIL.3/2018	13.09.2018	29	0

12	NURSING LEADERSHIP BIL.1/2018	06.03.2018	34	RM3.50x50=RM175
13	NURSING LEADERSHIP BIL.2/2018	17.07.2018	34	0
14	NURSING DOCUMENTATION BIL.1/2018	07.02.2018	39	RM3.80x50=RM190
15	NURSING DOCUMENTATION BIL.2/2018	04.04.2014	37	RM10x50=RM500
16	NURSING DOCUMENTATION BIL.3/2018	27.06.2018	36	RM10x50=RM500
17	NURSING DOCUMENTATION BIL.4/2018	03.10.2018	29	RM10x50=RM500
18	QUALITY IMPROVEMENT INITIATIVES BIL.1/2018	07.03.2018	34	RM3.50x50=RM175
19	QUALITY IMPROVEMENT INITIATIVES BIL.2/2018	25.07.2018	33	0
20	PEMANTAPAN JM BIL.1/2018	11.07.2018	18	0
21	PEMANTAPAN JM BIL.2/2018	10.10.2018	18	RM10x40=RM400
22	KURSUS PPK BIL.1/2018	21.02.2018	28	RM3.50x40=RM140
23	KURSUS PPK BIL.2/2018	29.08.2018	18	0
24	KURSUS NURSING RESEARCH BIL.1/2018	10.04.2018	37	RM10x40=RM400
25	KURSUS NURSING RESEARCH BIL.2/2018	25.09.2018	26	RM10x40=RM400
26	KURSUS PROFESSIONALISM IN NURSING BIL.1/2018	08.05.2018	34	RM10x50=RM500
27	KURSUS PROFESSIONALISM IN NSG BIL.2/2018	04.09.2018	30	0

#### LAPORAN CNE SEPANJANG TAHUN 2018

Bil	Tajuk	Tarikh	Jumlah
1	MANAGING CHANGE	04.01.18	109
2	STATISTIK SMRP	11.01.18	147
3	INFECTION CONTROL STRATEGIES TO REDUCE CRE TRANSMISSION	18.01.18	188
4	MANAGEMENT OF CYTOTOXIC SPILL	25.01.18	194
5	POST PARTUM HAEMORRHAGE	01.02.18	209
6	ACUTE GASTROENTERITIS	08.02.18	161
7	INTRADIALYTIC COMPLICATION DURING HAEMODIALYSIS	15.02.18	119
8	INCIDENT REPORTING 2.0 (TERBARU)	22.02.18	165

9	CARE OF VENTILATED PATIENT	01.03.18	149
10	ONE STOP BLOOD TAKING CENTRE	08.03.18	150
11	HAZARDOUS DRUG : WHAT YOU NEED TO KNOW	22.03.18	93
12	COLORECTAL CANCER ( ONCOLOGY )	22.03.18	117
13	DEMAM DENGGI	05.04.18	150
14	MECONIUM ASPIRATION SYNDROME	12.04.18	103
15	TAKLIMAT DARI CUEPACS	19.04.18	111
16	UTRINE FIBROID	19.04.18	92
17	CONICAL ULSER RELATED TO CONTACT LENS USED	03.05.18	65
18	PENGENALAN PENYAKIT DIABETIS MELLITUS DAN KOMPLIKASI	17.05.18	94
19	TONSILITIS	17.05.18	88
20	PENGENALAN PENYAKIT MENTAL	24.05.18	56
21	DISINFECTANT AND STERILIZATION	24.05.18	58
22	NOISE INDUCED HEARING LOSS	07.06.08	47
23	CARA-CARA PENGENDALIAN SPESIMEN OSCE	07.06.18	50
24	DIABETIS MELLITUS	28.06.18	49
25	POINT PREVALANCE SURVEY FOR HEALTHCARE ASSOCIATED INFECTION	28.06.18	46
26	ROLES AND RESPONSIBILITIES AS A COUNTER NURSE, SCRUB NURSE AND CIRCULATING NURSE	05.07.18	65
27	GARIS PANDUAN BEDAH SIASAT MAYAT	12.07.18	27
28	INGUINAL HERNIA	19.0.18	36
29	CATHETER CARE BUNDLE AND NURSING RESPONSIBILITIES	26.07.18	45
30	OGDS	02.08.18	38
31	PALLIATIVE CARE	09.08.18	19
32	PERKHIDMATAN TCM	16.08.18	18
33	THALASSEMIA	23.08.18	12
34	BURITIS	06.09.18	23
35	POST OP FEES MANAGEMENT ( FUNCTIONAL ENDOSCOPIC SINUS SURGERY MANAGEMENT )	20.09.18	31
36	BASIC LIFE SUPPORT	20.09.18	30
37	PRESSURE INJURY	27.09.18	28

38	TB MANAGEMENT IN WARD	27.09.18	28
39	EYE INJURY	04.10.18	14
40	BARTHOLIN ABSCESS	11.10.18	18
41	CARE AND MAINTENANCE OF STERILE SET/STORE	18.10.18	14
42	MECONIUM ASPIRATION SYNDROME	25.10.18	20
43	MANAGEMENT OF PERITONITIS	01.11.18	11
44	TUBERCULOSIS	08.11.18	27
45	HI STONE (CHOLEDOCHOLITHIASIS)	15.11.18	14
46	DIPHTHERIA	29.11.18	47
47	PREGNANCY INDUCED HYPERTENSION (PIH) / GESTATIONAL HYPERTENSION	06.12.18	20
48	POST ANESTHESIA CARE	06.12.18	20

#### AKTIVITI LAIN SEPANJANG TAHUN 2018

1. Unit Kejururawatan telah mengadakan Kursus-kursus sepanjang tahun mengikut takwim Kursus anjuran Unit Kejururawatan.
2. Unit kejururawatan juga mengadakan CNE setiap hari Khamis mengikut takwim yang telah disediakan.
3. Pengagihan limau sempena Tahun Baru Cina anjuran Unit Kejururawatan pada 05.02.2018. Sebanyak 16 kotak telah diagihkan mengikut wad/unit.
4. Unit Kejururawatan juga telah melibatkan diri dalam gotong-royong perdana anjuran Hospital Duchess of Kent Sandakan mengikut wad/unit masing-masing.
5. Beberapa orang jururawat terlibat dalam Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) yang telah diadakan pada 26/04.2018 hingga 28.04.2018.
6. Unit Kejururawatan juga telah menghantar beberapa jururawat untuk menghadiri AGM SANA di Palace Hotel, Kota Kinabalu, anjuran bersama Persatuan Jururawat Sabah (SANA).
7. Cooking class telah dianjurkan juga anjuran bersama Unit Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Hospital Duchess of Kent Sandakan (SANA).
8. Kempen derma darah sempena Hari Jururawat Sedunia pada 07/05/2018 sehingga 11.05.2018.
9. Pertandingan bowling telah diadakan pada 11.05.2018 bersempena Hari Jururawat di Champs, Sandakan.

10. Jamuan makan malam sempena Hari Jururawat peringkat Hospital Duchess of Kent, Sandakan telah diadakan pada 12.05.2018 bertempat di Sabah Hotel, Sandakan, anjuran Unit Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Hospital Duchess of Kent Sandakan (SANA).
11. Pengagihan kuih raya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2018 telah diadakan pada 06.06.2018. Pengagihan diadakan mengikut wad dan unit.
12. Beberapa anggota jururawat juga telah menghadirkan diri ke Seminar Kejururawatan sempena Hari Jururawat peringkat negeri Sabah di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu pada 28/06/2018 hingga 29/06/2019.
13. Lawatan Ketua Penyelia Negeri Sabah ke Hospital Duchess of Kent Sandakan pada 01/08/2018.
14. Beberapa anggota jururawat juga terlibat sebagai peserta dan ajk Moon Light anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi Hospital Duchess of Kent, Sandakan pada 17.11.2018.
15. Pengagihan Chrismas gift sempena menyambut Hari Krismas telag diadakan kepada semua anggota jururawat mengikut wad dan unit.
16. Beberapa jururawat juga terlibat dalam caroling sempena Hari Krismas anjuran Hospital Duchess of Kent Sandakan.

## 6.0 PENCAPAIAN

### *Pencapaian Kejururawatan*

#### **Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Penyelia Jururawat	2 orang
Ketua Jururawat U32	4 orang
Ketua Jururawat KUP/TBK	5 orang
Jururawat Terlatih U29	33 orang
Jururawat Masyarakat U19	12 orang

#### **Kenaikan Pangkat**

Ketua Jururawat U32 kepada Penyelia Jururawat U36 seramai seorang.  
 Jururawat Terlatih U29 kepada Ketua Jururawat KUP/TBK U32/U29 seramai 8 orang.  
 Jururawat Masyarakat U19 kepada Jururawat Masyarakat KUP/TBK U24 seramai 9 orang.

## 7.0 PENAMBAHBAIKAN

Maklumat berkenaan aktiviti penambahbaikan perkhidmatan (boleh merangkumi inovasi) yang telah dibangunkan atau direka bagi meningkatkan lagi pencapaian unit / jabatan.

## 8.0 PENUTUP

Unit Kejururawatan telah mencapai objektif pada tahun 2018 dimana semua kursus dan cne telah diadakan dengan jayanya. Kesemua jururawat telah mencapai CPD yang telah ditetapkan. Namun demikian, akan berusaha mencapai objektif pada tahun-tahun berikutnya.





## JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

### 1.0 PENGENALAN

Jabatan Dietetik dan Sajian Berperanan penting dalam menyediakan perkhidmatan terapi pemakanan yang melengkapkan rawatan perubatan pelanggan di HDOK. Perkhidmatan ini terbahagi kepada dua komponen iaitu - perkhidmatan Dietetik

Menyediakan terapi pemakanan perubatan kepada pesakit dalam dan luar melalui penilaian, perancangan, penyediaan diet serta kaunseling pemakanan kepada pesakit yang dikendalikan oleh Pegawai Dietetic - perkhidmatan sajian

Berfungsi dalam penyediaan makanan pesakit dalam termasuk pesakit di unit rawatan harian, ibu yang menemani di ward kanak-kanak, pegawai perubatan atas panggilan dan juga anggota perubatan dan paramedic di dewan bedah.

### 2.0 OBJEKTIF

#### Objektif Umum

##### Perkhidmatan Dietetik Klinikal

Untuk memberi perkhidmatan *medical nutrition therapy* dengan melaksanakan *nutrition care process* serta memastikan perkhidmatan dietetik yang cemerlang melalui penyampaian perkhidmatan secara profesional dan berkualiti yang berorientasikan pelanggan.

##### Perkhidmatan Makanan

Untuk menyediakan makanan yang sihat, bersih dan selamat kepada pesakit bagi meningkatkan status pemakanan mengikut diet yang sesuai supaya menjadi pelengkap kepada keseluruhan rawatan yang serta memberikan perkhidmatan yang mengutamakan pelanggan.

#### Objektif Khusus

##### Perkhidmatan Dietetik Klinikal

- Memberi perkhidmatan klinikal dengan melaksanakan *medical nutrition therapy* bagi pesakit yang diberi pemakanan secara oral atau pesakit yang memerlukan *nutrition support* bagi membantu mencapai status pemakanan yang optima
- Memberi perkhidmatan kepakaran dietetik klinikal secara profesional, sistematik dan penglibatan dalam rawatan multi disiplin
- Memberi latihan kepada anggota dan

membantu dalam memberi latihan praktikal dietetik klinikal kepada pelatih dari Universiti Awam/Swasta

- Menggalakkan penglibatan di dalam kajian dan penyelidikan dietetik klinikal/komuniti bagi peningkatan mutu perkhidmatan

### Perkhidmatan Makanan

- Memastikan diet normal dan diet terapeutik dibekalkan kepada semua pesakit mengikut pesanan berdasarkan keperluan pesakit dan kelayakan kelas pesakit
- Membekalkan makanan kepada anggota hospital yang berkelayakan mengikut pekililing dan arahan semasa dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia
- Menyedia makanan yang sihat dan berkualiti mengikut prinsip Jaminan Keselamatan Makanan
- Memberi latihan kepada anggota dan membantu dalam memberi latihan kepada pelatih perkhidmatan makanan dari Universiti Awam/Swasta
- Menggalakkan penglibatan di dalam kajian dan penyelidikan perkhidmatan makanan bagi peningkatan mutu perkhidmatan

### 3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Dietetik U48	1	1	0
Pegawai Dietetik U44	1	1	0
Pegawai Dietetik U41	3	3	0
Pen. Pegawai Penyediaan Makanan N29/32	2	2	0
Penyelia Asrama N22	1	1	0
Pembantu penyediaan Makanan N19	5	10	-5
Pembantu Penyediaan Makanan N1	4	1	3
<b>Jumlah:</b>	<b>16</b>	<b>19</b>	<b>-2</b>

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Dietetik dan Sajian

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

#### Perkhidmatan Dietetik

Memberikan perkhidmatan medical Nutrition Therapy kepada pesakit luar dan pesakit dalam.

#### Perkhidmatan sajian,

Memberikan bekalan makanan untuk pesakit dalam, pesakit yang mendapatkan rawatan harian. Selain itu membekalkan makanan doktor On Call, doktor dan paramedik di dewan bedah serta lawatan doktor pakar.

### 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Health Promotion for 10th Special Olympic Sabah. Telah diadakan pada 10<sup>th</sup>-11<sup>th</sup> Mac 2018



Gambar 1: Pengukuran Antropometri peserta Special Olympic Sabah


2. Ceramah untuk Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia



Gambar 2: Keratan Akhbar berkaitan program ceramah

## 6.0 PENCAPAIAN

1. Berjaya mendapatkan Persijilan HACCP pada 6 Disember 2019 sehingga 5 Disember 2021.



Graf 1: Perbandingan Penyampaian Perkhidmatan di Jabatan Dietetik dan sajian bagi tahun 2017 dan 2018

## 7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Pada tahun 2020, pihak Hospital Duchess of Kent, bercadang untuk mendapatkan persijilan akreditasi. Sejalan dengan itu, segala keperluan standard yang berkaitan dengan jabatan ini akan dikemaskini dan diperbaharui. Selain itu, jabatan ini juga bercadang untuk mendapatkan persijilan Halal pada tahun ini.

Bagi perkhidmatan dietetic pula, terdapat beberapa perkhidmatan baru telah dijalankan iaitu klinik Dietitian di Jabatan pesakit Luar di Klinik Kesihatan Sandakan dan ceramah pemakanan pesakit HDU yang dijalankan secara berkala.

## 8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2018 jabatan ini telah berjaya mencapai sasaran dengan mendapatkan persijilan HACCP seperti yang dirancang. Selain itu, walaupun bilangan Pegawai Dietetik sangat terhad, namun perkhidmatan pesakit dapat diteruskan walaupun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah bilangan pesakit yang mendapat khidmat Pegawai Dietetik. Pada tahun 2019, perkhidmatan ini pasti akan ditambah baik memandangkan jumlah pegawai juga telah memenuhi bilangan perjawatan yang sepatutnya.

## UNIT PUSAT JAGAAN HARIAN

### 1.0 PENGENALAN

Unit ini berfungsi memberi rawatan kepada pesakit yang tidak memerlukan kemasukan ke dalam wad. Pesakit yang dirawat adalah daripada pelbagai disiplin dan 90% pesakit yang dirawat ini terdiri daripada pesakit Thalassaemia. Unit ini beroperasi pada masa pejabat sahaja bermula pada jam 8 pagi sehingga jam 5 petang setiap hari berkerja .

### 2.0 OBJEKTIF

1. Pusat jagaan harian memberi perkhidmatan mesra pelanggan dan efisien dalam suasana persekitaran yang kondusif.
2. Mengurangkan kos perubatan dengan pengurusan pemasalahan kepada hospital.
3. Mengurangkan kesesakan di wad pesakit dalam.
4. Mengurangkan masa menunggu untuk sesuatu prosedur.
5. Meminimakan gangguan cara hidup pesakit.
6. Pesakit tidak akan meninggalkan masa kerja yang lama.
7. Mengurangkan risiko mendapat infeksi nasokomial .

### 3.0 PERJAWATAN

Day Care Centre			
Jawatan	Gred	Bilangan	Nama
Ketua Jururawat	U32	1 Orang	KJ Felicia Thomas
Jururawat Terlatih	U29	4 Orang	JT Mary Anthony JT Durumah Muji JT Mazrinah Basri JT Siti Fatimah Awg.Amat
Jururawat Masyarakat	U19	2 Orang	JM Armizah Minen JM Dg.Nortiah Hasbollah
Penolong Jururawat	U14	1 Orang	PJT Rahimah Tiai
Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1 Orang	PPK Yudia Malani PPK Julia Awang
Jumlah Keseluruhan = 11 Anggota			

Jadual 1: Maklumat perjawatan Pusat Jagaan Harian

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Bil	Disiplin	Perkhidmatan
1.	Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tranfusi darah untuk pesakit Thalassaemia / Anaemia / Leukaemia</li> <li>• Pemberian Ubatan Melalui Intravena untuk pesakit Hemophilia.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengambilan Spesimen darah untuk pesakit Thalassaemia / Anaemia / Leukaemia</li> <li>• Mengendalikan Klinik untuk pesakit Thalassaemia setiap hari Jumaat</li> <li>• Memberi kaunseling kepada pesakit dan ibubapa thalassaemia.</li> </ul>
2.	PEDIATRIK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tranfusi darah untuk pesakit Thalassaemia</li> <li>• Pemberian Ubat-ubatan melalui intravena</li> <li>• Pemberian Ubatan Melalui Intravena untuk pesakit Hemophilia.</li> <li>• Pengambilan Spesimen darah untuk pesakit Thalassaemia/Anaemia/Leukemia</li> <li>• Mengendalikan Klinik untuk pesakit Thalassaemia pada setiap hari Isnin, Rabu dan Khamis.</li> <li>• Memberi kaunseling kepada pesakit dan ibu bapa Thalassaemia.</li> </ul>
3.	SURGIKAL	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemberian Ubat-ubatan melalui intravena</li> <li>• Trial Off CBD</li> <li>• Pembedahan setempat pada hari rabu untuk unit surgical, orthopaedic, ENT dan ophthalmology.</li> </ul>
4.	ENT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemberian Ubat-ubatan Melalui Intravena</li> </ul>

### DISCAJ

Pesakit dibenarkan pulang 1 jam selepas transfusi darah selesai selewat-lewatnya jam 4 petang setelah di periksa oleh pegawai perubatan.

- Pesakit akan dibekalkan:
  - Temujanji.
  - Preskripsi ubat jika perlu.
- Pendidikan kesihatan akan diberi kepada setiap pesakit sebelum discaj.

### 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Bil	Aktiviti	Catatan
1	Program Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan anggota yang menghadiri kursus / seminar 2 jururawat dan 2 pegawai perubatan anggota menghadiri</li> </ul>

		<p>EMTF DI KOTA-KINABALU.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inhouse CNE diadakan sebanyak 2 kali sebulan.</li> <li>• Memberi Ceramah di radio FM Sandakan sekali setahun.</li> </ul>
2	Sukarelawan	<p>Persatuan Tzu Chi memberi bantuan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kewangan kepada sebilangan pesakit Thalassaemia yang tidak mampu.</li> <li>Peralatan penapis darah (leucocyte filter)</li> <li>Persatuan Thalasaemia Sandakan</li> </ol>
3	Aktiviti Riadah	<ol style="list-style-type: none"> <li>Majlis Sambutan Hari Raya bersama pesakit thalasaemia –</li> <li>AGM meeting &amp; sambutan harijadi pesakit thalasaemia</li> <li>Aktiviti norvatis bersama pesakit thalasaemia (iron hero) 2 kali setahun.</li> <li>Christmas Children Party di HOSPICE Centre Sibuga Sandakan</li> <li>Christmas caroling dan sumbangan hadiah staff HDOK</li> <li>Christmas caroling dan sumbangan hadiah gereja st Micheal Sandakan dan gereja. Basal.</li> <li>Ren Ai Christmas gift untuk pesakit thalasaemia (gift)</li> <li>Exchange gift DCC staff</li> </ol>
4	Sumbangan Persatuan Thalassaemia	<ol style="list-style-type: none"> <li>Membantu membiayai kos air minuman untuk pesakit DCC</li> </ol>

**Program Iron Hero 2018**



**Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Staff HDOK**



**Sambutan Harijadi Pesakit Thalassaemia**





### 3. Pencapaian KPI (Key Performance Indicator)

Indikator	Standard	Pencapaian Setiap 3 Bulan 2016/2017/2018											
		Jan-Mar			April-June			July-Sept			Oct-Dec		
		2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018
Percentage of Transfusion Dependent Thalassaemia (TDT) Patient On Iron Therapy	> 90%	97.54	92	92.72	92.60	98.8	99.24	100	94	97.87	99.81	95	99.68

## 6.0 PENCAPAIAN

### 1. Statistik Tahunan Pusat Jagaan Harian

- Statistik Beban Tugas Mengikut Displin Perbandingan Tahun 2016, 2017 Dan 2018. Rujuk Jadual 1
- Statistik Beban Tugas Mengikut Prosidur Yang Dijalankan Di Unit Day Care Centre Perbandingan Tahun 2016, 2017 Dan 2018. Rujuk Jadual 2
- Pesakit Thalassaemia merupakan bilang pesakit yang paling banyak dirawat di unit ini maka kebanyakan aktiviti di unit ini adalah tertumpu kepada pesakit ini. Meskipun begitu pesakit dari disiplin yang lain tidak diabaikan terutama dari segi perawatan.

### 2. Pencapaian Objektif Kualiti

Objektif Kualiti :  $\geq 80\%$  Of Patient Thalassaemia Taking Serum Ferritin (Okt-Dis 2018)

No		Standard $\geq 80\%$	Hospital report frequency	NUM	DENO
INTERNAL MONITORING					
1	PERCENTAGE OF PATIENT TAKING SERUM FERRITIN 3 MONTHLY	82.4%	3 MONTHLY	163	197

## 8.0 PENUTUPAN

Unit Rawatan harian akan berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pelanggan dari masa ke semasa dengan menfokuskan aktiviti memberi kepuasan kepada pelanggan serta memperbaiki taraf kesihatan masyarakat seperti:-

- i. Menitik beratkan pelaksanaan ISO dan Akreditasi di peringkat Jabatan.
- ii. Meningkatkan Program Kualiti dan Penambahbaikan pada prosidur.
- iii. Memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota.
- iv. Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang lebih

## Laporan Tahunan 2018

UNIT	MEDIKAL			PEADIATRIK			SURGIKAL			O&G			OPHTHAL			ENT			JUMLAH			BOR		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018
JAN	112	102	119	95	61	55	22	20	17	0	0	0	0	0	0	0	0	0	229	180	191	57.25%	45.75%	47.75%
FEB	132	171	135	145	122	70	29	12	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	295	305	214	73.75%	76.25%	53.50%
MAC	119	171	169	153	114	72	32	27	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0	304	312	253	76%	78%	63.25%
APR	142	120	181	111	100	57	25	16	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	278	236	241	69.5%	59%	60.25%
MEI	115	135	148	100	86	60	22	15	10	0	0	0	0	0	0	0	0	0	237	236	218	59.25%	59%	54.5%
JUN	122	81	119	115	73	55	27	14	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0	264	168	186	66%	42%	46.50%
JUL	125	136	232	107	55	84	13	21	13	0	0	1	0	0	0	0	0	0	245	212	330	61.25%	53%	82.50%
OGS	104	152	178	71	107	73	22	21	16	0	0	0	0	0	0	0	0	0	201	280	267	50.25%	70%	66.75%
SEP	118	142	234	92	91	69	19	13	16	0	0	0	0	0	0	0	0	0	229	246	219	57.25%	61.5%	54.75%
OKT	136	134	150	99	102	84	20	10	14	0	0	3	0	0	0	0	0	0	255	246	251	63.75%	61.5%	62.75%
NOV	81	142	134	54	93	83	21	4	19	0	0	0	0	0	0	0	0	0	252	239	236	63%	59.75%	59%
DIS	119	127	128	69	55	67	11	12	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0	199	194	210	49.75%	48%	52.5%
JUM	1452	1,613	1,827	1211	1059	829	264	185	159	0	0	4	0	0	0	0	0	0	2988	2757	2,816	54.7%	50%	51.57%

Jadual 1: Statistik Beban Tugas Mengikut Displin Perbandingan Tahun 2016,2017 dan 2018.

## Laporan Tahunan 2018

PERKARA	TRANSFUSI DARAH			TRIAL OFF CBD			PENGAMBILAN SPECIMEN DARAH			KLINIK THALASSAEMIA						PEMBERIAN UBATAN MELALUI INTRAVENA		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016	2017	2018	2016		2017		2018		2016	2017	2018
										med	pead	med	pead	med	pead			
<b>TAHUN</b>																		
<b>Jan</b>	207	164	172	0	0	0	811	594	689	16	39	19	47	20	75	0	2	1
<b>Feb</b>	238	290	204	0	0	0	705	835	646	10	65	20	58	14	51	37	3	1
<b>Mac</b>	212	281	241	0	0	0	745	743	661	87	26	21	59	30	38	59	2	0
<b>Apr</b>	244	279	235	0	0	0	677	484	681	78	12	10	50	28	46	10	1	2
<b>Mei</b>	213	219	202	0	0	0	659	548	516	63	19	22	50	12	49	2	2	3
<b>Jun</b>	213	153	170	0	0	0	889	785	598	11	77	10	38	18	19	23	1	0
<b>Jul</b>	231	190	315	0	0	0	693	681	940	25	59	16	45	28	46	13	1	0
<b>Ogs</b>	178	257	250	0	0	0	767	584	816	15	55	11	54	17	54	1	2	1
<b>Sep</b>	210	230	202	0	0	0	658	582	556	20	62	22	46	35	23	0	2	0
<b>Okt</b>	235	234	236	0	0	0	676	592	786	38	44	17	38	11	56	0	2	0
<b>Nov</b>	230	235	214	0	0	0	645	554	720	21	55	22	56	37	34	22	0	1
<b>Dis</b>	186	180	192	0	0	0	1006	922	637	11	68	14	37	24	26	2	2	0
<b>Jum</b>	2579	2,712	2,633	0	0	0	8,130	8,786	8,246	395	581	204	578	274	517	169	20	9

**Jadual 2: Statistik Beban Tugas Mengikut Prosedur Yang Dijalankan Di Unit Day Care Centre Perbandingan Tahun 2016, 2017 dan 2018**

## UNIT PERKHIDMATAN BAHAN STERIL

### 1.0 PENGENALAN

Unit Perkhidmatan Bahan Steril atau CSSU telah mula beroperasi pada tahun 23.12.1980, dimana hanya satu mesin otokleb yang ada di unit ini iaitu (kreca 559V-TC JAPAN 'UDONO). Lokasinya terletak berdekatan dengan unit sajian. Dan kemudian berpindah di bangunan 3-6 tingkat. Mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai 2007. Unit ini telah mendapat 2 buah mesin otokleb yang baru iaitu jenis Mesin "Gettinge" dan sebuah mesin otokleb Jenis Plasma ("Low Temp").

Unit ini memberi perkhidmatan Pensterilan kepada Hospital Duchess Of Kent termasuk Hospital Beluran, Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Pergigian, Klinik-Klinik Kesihatan, Klinik Perancang Keluarga dan warga Tua. Fungsi utama unit adalah untuk mengawal dan mencegah jangkitan di hospital.

### 2.0 OBJEKTIF

- Membekalkan peralatan surgical dan "Soft Dressing" yang telah disterilkan kepada unit-unit/wad yang memerlukannya.
- Menyelaraskan kaedah pensterilan mengikut prinsip-prinsip dan piawaian yang ditetapkan bagi mengawal infeksi.
- Mengawasi bahan-bahan dan peralatan steril serta memastikan keperluan sentiasa mencukupi dan tiada sebarang penolakan terhadap barang-barang yang dibekalkan.
- Melakukan ujian-ujian (Indikator dan Biological) bagi memastikan keberkesanan proses pensterilan.

### 3.0 PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH SEDIA ADA
1.	Ketua Jururawat	U 32	1
2.	Jururawat Terlatih (KUP)	U 32	2
3.	Jururawat Terlatih	U 29	3
4.	Jururawat Masyarakat	U 19	1
5.	Penolong Jururawat	U 14	1
6.	Operator Otokleb	H11	4
7.	Pembantu Perawatan kesihatan	U 12	5

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Unit CSSU

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Pengendalian peralatan steril dilaksanakan dengan lengkap, sistematik serta selamat digunakan untuk menjalankan perawatan kepada semua pesakit.
- Memproses "Soft Goods" untuk Hospital Duchess Of Kent Sandakan.

### 5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN



Aktiviti gotong royong



Aktiviti Pembungkusan Peralatan



Aktiviti Pembungkusan Linnen




Aktiviti melipat Gauze

## 6.0 PENCAPAIAN



Peralatan yang akan disterilkan



Graf 1 Jumlah Bahan Steril Dihasilkan Pada Tahun 2017 Dan 2018

### Key Performance mempunyai 2 indicator

1. Rejection rate of Instruments after cleaning process Optimal target Less then 0.02%
2. Completeness of Instrument pack processed in CSSU Optimal target more then 99.5%

Sepanjang tahun 2018 kesemua KPI Unit telah tercapai dengan baik dan tidak ada 'Shortfall In Quality' (SIQ).

## 7.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2018 aktiviti CSSU telah tercapai dan diharap pada tahun 2019 pencapaian unit dalam aktiviti dan pensterilan dapat dipertingkatkan lagi.



Aktiviti memotong Gauze

## UNIT KAWALAN INFEKSI

### 1.0 PENGENALAN

Unit Kawalan Infeksi terletak di bangunan Klinik Pakar Aras 2, Pejabat Pengurusan Klinikal. Unit ini kini mempunyai seorang Doktor Pakar yang mengetuai unit, seorang Penyelia Jururawat kawasan kawalan infeksi, seorang Ketua Jururawat dan tiga Jururawat Kawalan Infeksi

Unit ini bertanggungjawab mengurangkan insiden jangkitan yang diperolehi dari hospital melalui aktiviti-aktiviti program pencegahan dan kawalan infeksi.

### 2.0 OBJEKTIF

#### 1.1 VISI UNIT KAWALAN INFEKSI

Meningkatkan pengurusan kawalan infeksi melalui amalan-amalan *Standard Precaution* dan *Additional Precaution* dikalangan warga kerja Hospital Duchess Of Kent Sandakan.

#### 1.2 MISI UNIT KAWALAN INFEKSI

Menjadikan amalan kawalan infeksi suatu budaya dikalangan warga Hospital untuk mencegah dan mengurangkan *Hospital Associated Infection (HCAI's)*.

#### 1.3 OBJEKTIF UNIT KAWALAN INFEKSI

**Objektif Am** – Mencegah dan mengurangkan insiden infeksi di Hospital.

**Objektif Spesifik** – Mengutamakan amalan kawalan infeksi untuk mengurangkan insiden infeksi di Hospital.

#### 1.4 OBJEKTIF KUALITI UNIT KAWALAN INFEKSI

1.4.1 Kes-kes *Healthcare Associated Infection (HCAI)* yang dilaporkan tidak melebihi 5 %.

### 3.0 PERJAWATAN

Nisbah Jururawat Kawalan Infeksi mengikut bilangan katil adalah 1 (ICN): 110 katil seperti yang ditetapkan dalam *Policies and Procedure On Infection Control* MOH edisi 2010. Ini bertujuan untuk memantapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemantauan dan amalan kawalan infeksi hospital.

## PENEMPATAN JURURAWAT KAWALAN INFEKSI

Jururawat Kawalan Infeksi	Pos Basik	Lokasi penempatan
PJ Rukiah@ Rovena Saning		Wad Perubatan Lelaki
KJ Suriah Angkong	2010(KSKB Sg.Buloh)	Unit Kawalan Infeksi
Jururawat TBK Nursiti Saleh	2010(KSKB Sg.Buloh)	Unit Kawalan Infeksi
JT Gracey Jose	2013(KSKBKK)	Unit Kawalan Infeksi
JT Misma Nasrin	2014(KSKBKK)	Unit Kawalan Infeksi
JT Lidwina Giduan	2014(KSKBKK)	Unit Rawatan Rapi
JT Aslianah Tinda	2014 (KSKBKK)	Wad Perubatan Lelaki
KJ (KUP) Masirinah Made	2018(KSKBKK)	Wad Perubatan Perempuan

### 4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- i. Bertanggungjawab memastikan Audit dan *Surveillance of Organisms* dilaksanakan berterusan mengikut ketetapan jadual.
- ii. Mempromosikan amalan kawalan infeksi yang optimum mengikut standard yang ditetapkan.
- iii. Memastikan prosedur yang dijalankan ke atas pesakit adalah mematuhi dasar polisi dan prosedur kawalan infeksi.
- iv. Memberi bantuan dan bertanggungjawab melaksanakan langkah pencegahan kawalan infeksi, mengurus dan mengawal kejadian wabak.
- v. Memberi pendidikan dan latihan tentang amalan-amalan kawalan infeksi.
- vi. Memastikan aktiviti pembersihan persekitaran dan terminal cleaning dilaksanakan mengikut standard kawalan infeksi.
- vii. Memastikan pengendalian, penggunaan, penyimpanan alat pembersihan, pengurusan sisa klinikal dan bahan biohazard dilaksanakan mengikut proses kerja dan amalan kawalan infeksi yang ditetapkan.
- viii. Memastikan kerja-kerja pembaikan, ubah suai, reka bentuk, sebelum kemasukan di tempat baru, naiktaraf atau pembangunan di hospital telah melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Unit Kawalan Infeksi.
- ix. Melapor kakitangan yang melanggar polisi kawalan infeksi kepada pihak pengurusan hospital untuk diambil tindakan tegas.

**5.0 AKTIVITI KAWALAN INFEKSI  
TAHUN 2017**



*Peserta Bengkel Environmental Hygiene yang diadakan kali kedua pada*



*Demonstrasi cara pembersihan tandas*



*Pembentangan berkumpul terdiri dari cleaner & jururawat*



*Dua warga HDOK sedang bekerjasama melakukan cara mengendalikan tumpahan darah.*



*Puan Carol (Pengurus House Keeping Sedafiat Sdn Bhd) sedang memberi taklimat & demo tatacara pembersihan*




*Persediaan damp wiping*




*Para doktor berlatih memakai PPE*

**6.0 PENCAPAIAN**


**Surveillance of Alert Organisms dari Januari hingga  
Disember 2018**




Rajah 1: Peningkatan ESBL Klebsiella Pneumoniae pada bulan Julai, September dan November.




Rajah 2 :Peningkatan pada jenis MDRO kategori lain-lain seperti.Esbl Klebsiella species. Manakala MDRO Acinetobacter Baumannii menurun yang berada pada kadar 0.04%.



Rajah 3: Penurunan penggunaan Carbapenems dan Cephalosporins berbanding tahun lalu. Peningkatan dari kumpulan lain-lain antibiotik iaitu 50.2%.




